



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2157]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:

Jawatankuasa [Hari Kedua]—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 2181]

Maksud B. 15 hingga B. 21 [Ruangan 2195]

### USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa [Hari Kedua]—

Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 [Ruangan 2181]

Maksud P. 15, P. 17, P. 18, P. 19 dan P. 20 [Ruangan 2195]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

.. Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.J. (Pelabuhan Kelang).

.. Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

.. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

.. Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

.. Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

.. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

.. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasin Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugui).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,  
P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.  
(Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,  
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Aliang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 15hb November, 1978

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BIASISWA DI UNIVERSITI-UNIVERSITI**

1. Wan Zainab binti M.A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan bilangan biasiswa-biasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan bagi pengajian-pengajian di Universiti-universiti seberang laut. Bagaimana biasiswa-biasiswa itu dibiayai. Adakah sebuah agensi bertanggungjawab bagi memilih calon-calon untuk biasiswa-biasiswa ini dan bagi apa peringkat pengajian-pengajian biasiswa-biasiswa ini ditawarkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun ini, Kerajaan telah menawarkan sebanyak 643 biasiswa bagi pengajian di Universiti-universiti seberang laut. Sebahagian besar daripada jumlah ini ialah untuk melatih pegawai-pegawai Kerajaan bagi menambah kelayakan, kebolehan dan kecekapan mereka. Bakinya pula ialah untuk membiayai latihan bagi memastikan bekalan tenaga terlatih yang cukup bagi perkhidmatan awam, khususnya dalam bidang sains dan iktisad dengan mengambil pertimbangan Dasar Ekonomi Baru.

Pemegang-pemegang biasiswa ini mengambil berbagai-bagai kursus seperti Kejuruteraan, Perubatan, Farmasi, Pergigian, Pertanian, Sains Haiwan, Perikanan, Teknologi Makanan, Ukur Tanah/Bahan, Seni Bena, Akauntansi,

Undang-undang, Aktuari, Penilaian, Perkapalan, Akitek, Perancang Bandar, Insuran serta pelbagai mata pelajaran sains di peringkat sarjana muda dan sarjana.

Di peringkat Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Awam, adalah badan yang bertanggungjawab bagi rancangan latihan untuk perkhidmatan awam. Biasiswa asing seperti Biasiswa Rancangan Colombo daripada Australia, England, India, Belgium, Japan, New Zealand dan lain-lain negara juga serta Biasiswa-biasiswa anjuran agensi Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lain pertubuhan antarabangsa dan serantau disalurkan juga melalui Jabatan Perkhidmatan Awam. Pilihan calon-calon bagi biasiswa-biasiswa ini adalah dibuat oleh Jabatan tersebut. Di samping itu beberapa agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Pelajaran dan Badan-badan Berkanun serta Kerajaan Negeri juga ada menawarkan biasiswa untuk keperluan tertentu masing-masing.

**BIDANGKUASA KEMENTERIAN-  
KEMENTERIAN**

2. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengarahkan orang bawahannya menyediakan buku kecil yang memberi huraian dan butir-butir penuh mengenai bidangkuasa tertentu dan had batasan kuasa sesebuah Kementerian memandangkan kepada hal bahawa tugas-tugas berbagai-bagai Kementerian nampaknya bercanggah dan bertindih.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang menyediakan buku kecil yang memberi huraian butir-butir penuh mengenai bidangkuasa tertentu dan had batasan kuasa sesebuah Kementerian. Ini adalah oleh

kerana sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat harus maklum bidang tugas dan kuasa-kuasa semua Kementerian adalah terkandung dalam Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan yang dibuat di bawah Akta Tugas-tugas Menteri, 1969. Perintah tersebut disemak dan dikemaskinikan setiap kali terdapat perubahan ataupun penyusunan semula dalam Kerajaan. Selain daripada itu terdapat juga akta-akta, perundangan-perundangan kecil dan juga peraturan-peraturan yang dibuat oleh Kementerian-kementerian dari masa ke semasa yang menentukan bidang kuasa sesuatu perkara di bawah Kementerian-kementerian tersebut. Jabatan Peguam Negara adalah merupakan satu lagi Kementerian yang membantu Kementerian-kementerian lain dalam masalah perundangan yang dihadapi oleh Kementerian-kementerian dalam melaksanakan tugas, tanggungjawab dan kewajipan masing-masing sebagaimana yang ditetapkan dalam Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan.

Mengenai pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa tugas-tugas berbagai Kementerian kadang-kadang bercanggah ataupun bertindih, saya suka menjelaskan di sini bahawa jika sekiranya terdapat percanggahan dan pertindihan tugas dan tanggungjawab Kementerian, maka perkara ini adalah diselaraskan oleh Jumaah Menteri, Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet yang dibentuk khas untuk perkara-perkara tertentu di samping Majlis Tindakan Negara yang khusus bertujuan untuk menyelaraskan kerja-kerja pembangunan yang dilaksanakan oleh semua agensi-agensi Kerajaan.

Saya juga suka memaklumkan bahawa beberapa agensi Kerajaan seperti Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Yunit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri adalah berfungsi untuk mengelakkan perkara percanggahan dan pertindihan ini. Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan juga ditugaskan antara lain sebagai jentera penyelaras di peringkat pegawai bagi Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan, Badan-badan Berkanun dan syarikat-syarikat yang ada penyertaan Kerajaan di dalamnya.

Berdasarkan kepada penerangan saya tadi, Kerajaan mendapati tidak perlu menyediakan

apa-apa panduan dan huraian tambahan kepada apa yang sudah sedia ada sekarang ini.

### LAPANGAN TERBANG SENAI

3. **Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan imej Lapangan Terbang Senai sebagai satu lapangan terbang "gajah putih" dan sama ada terafik penumpang dan barang-barang telah meningkat supaya dapat "justify" berkekalannya kemudahan-kemudahan operasi di lapangan terbang tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar lapangan terbang Senai dianggap sebagai "white elephant" oleh kerana aktiviti-aktiviti yang telah ada dan akan diadakan di lapangan terbang tersebut adalah pesat. Pada 17hb Oktober yang lalu semasa menjawab soalan mulut Ahli Yang Berhormat dari Mantin, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah menyatakan bahawa satu pasukan petugas telah dilantik pada tahun lepas untuk menyelaras kerja-kerja di lapangan terbang tersebut. Dengan adanya penyelarasan oleh pasukan itu maka kemudahan-kemudahan membekal minyak, perkhidmatan bas dan teksi yang tetap serta tambahan jumlah penerbangan telah diadakan. Di masa ini MAS mengadakan 7 perkhidmatan B737 dan 9 perkhidmatan F27 seminggu ke Johor Bahru dan Kuala Lumpur, di mana 2 perkhidmatan F27 menjalankan perkhidmatan ke Kuching. Selain daripada itu Pan Malaysia Air Carrier mengadakan 7 perkhidmatan F27 tiap-tiap minggu antara Johor Bahru dan Pekan Baru di Sumatra melalui Melaka, di samping menyediakan F27 untuk sewaan ke Johor Bahru dan Jakarta sekali-sekali. Dalam tahun 1977 lapangan terbang ini telah mengendalikan 30,624 penumpang berbanding dengan 16,707 penumpang dalam tahun 1974.

Mengenai kargo pula, bagi tahun 1977 jumlah kargo sebanyak 630,000 kilogram berbanding dengan 74,000 kilogram pada tahun 1974. Dengan bertambahnya jumlah penerbangan semenjak bulan Jun 1978 jumlah terafik penumpang dan kargo telah bertambah dengan jumlah yang amat menggalakkan.

Adalah dijangka pada tahun-tahun hadapan penambahan penumpang dan kargo akan lebih menggalakkan lagi dengan adanya usaha-usaha yang positif yang dibuat oleh pasukan petugas itu.

**Dr. Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan anggaran daripada beliau itu, kalau betul-betul banyak penumpang, bolehkah beliau kata sudah sampai kepada satu kadar 'break even'.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, Ya.

**Tuan Chan Teck Chan:** Kerajaan telah berazam mahu mempermodenkan Lapanganterbang Senai maka apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian untuk menambah fasiliti-fasiliti yang mustahak yang ada dalam kawasan lapanganterbang termasuk jalan-jalan dari Ayer Hitam ke Senai dan dari Johor Bahru ke Senai diperluaskan demi kepentingan penumpang-penumpang dan orang ramai yang menuju ke Lapanganterbang Senai.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jawab tadi bahawa satu pasukan petugas telah ditubuhkan bagi menambah kemajuan Lapanganterbang Senai yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian ini sendiri dan di antara anggota-anggotanya terdapat Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan seperti di JKR, Kastam, Keretapi Tanah Melayu dan lain-lain lagi. Di antara tugas-tugas jawatankuasa petugas ini ialah mencari ikhtiar dan menjalankan ikhtiar menyempurnakan segala kemudahan-kemudahan bukan sahaja jalan tetapi segala kemudahan-kemudahan yang diperlukan bagi membina dan memajukan lagi lapanganterbang ini. Selain daripada itu sebagaimana yang kita tahu di bawah Mid-Term Review Kerajaan telah menguntukkan \$10 juta bagi membina pembangunan kargo centre dan lain-lain untuk membolehkan lapanganterbang tersebut benar-benar dapat digunakan dengan lebih pesat.

**Tuan Lee Kaw:** Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar lapanganterbang Senai di waktu malam kapalterbang tidak boleh turun sebab tidak ada night landing gear.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi tujuan salah satu tugas Jawatankuasa Petugas itu bagi membina kemudahan-kemudahan ini semua yang pada hakikatnya pada satu masa nanti apabila kemudahan-kemudahan ini telah dibina maka kemudahan-mudahan waktu malam dapat digunakan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bilakah kerja-kerja pasukan petugas khas ini dapat disiapkan dan juga bilakah lapuran ini akan dibentangkan untuk pengetahuan Dewan ini?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Saya tidak dapat menjelaskan, menentukan masa bagi penyempurnaan tetapi sebagaimana yang saya katakan dalam Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini, rancangan-rancangan sedang dirancang dan akan dilaksanakan.

**Tuan Lim Kit Slang:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata dalam jawapannya kepada soalan tambahan rakan saya dari Seremban bahawa Lapanganterbang Senai sudah sampai satu peringkat break even. Adakah ini bererti bahawa belanja kapital atas Lapanganterbang Senai sudah equal dengan pendapatan yang diperolehi oleh lapanganterbang dalam beberapa tahun ini.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Apa yang saya dapat katakan, ya. Apabila memandangkan pendapatan bulanan yang didapati umpamanya dengan perbelanjaan mengurus bulanan, keadaannya boleh dikatakan telah seimbang.

## MAJUIKAN

4. **Wan Zainab binti M. A. Bakar** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan bahawa MAJUIKAN telah ditubuhkan oleh Kerajaan dengan tujuan menstabilkan harga pasaran ikan dan menjaga kepentingan-kepentingan kaum nelayan, adakah beliau sedar bahawa harga ikan pada masa ini telah melambung naik, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil ke atas perkara ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar akan kenaikan harga ikan pada masa ini. Untuk mengatasi masalah

ini MAJUIKAN sedang membuat satu kajian yang mendalam mengenai pasaran ikan. Adalah diharapkan apabila kajian ini siap Kerajaan akan dapat memainkan peranan yang tertentu dalam menstabilkan harga ikan.

### SYARIKAT PENERBANGAN MAS

5. Tuan V. David minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah keuntungan yang telah diperolehi oleh MAS dalam tahun 1975, 1976 dan 1977 masing-masing;
- (b) bilangan kapalterbang yang telah dibeli dan harganya; dan
- (c) samada MAS akan meluaskan lagi operasinya dan jika ya, sila beri butir-butir lanjut.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Keuntungan yang diperolehi oleh MAS sebelum ditolak cukai ialah:

Bagi tahun kewangan 1975/76	...	\$ 673,804
Bagi tahun kewangan 1976/77	...	\$ 1,106,331
Bagi tahun kewangan 1977/78	...	\$21,959,997

- (b) Bilangan kapalterbang yang dibeli oleh MAS adalah:

- (i) 9 buah kapalterbang jenis B 737 berharga M\$17.5 juta tiap-tiap satu.
- (ii) 2 buah kapalterbang jenis DC 10 masing-masing berharga M\$71.2 juta dan M\$80.9 juta.
- (iii) 3 buah kapalterbang jenis B 707 tiap-tiap satu berharga di antara M\$12 juta hingga M\$15 juta.

- (c) Pihak MAS telahpun merancang untuk menambahkan perkhidmatannya dalam negeri dan juga perkhidmatan antarabangsa ke beberapa tempat lagi dalam rancangan 5 tahunnya iaitu 1979/80 hingga 1983/84. Tempat-tempat lain yang dimaksudkan ialah di antaranya Seoul (Korea), Brussels dan Amsterdam di Eropah. Perkara ini memang dikaji dari masa ke semasa dan jika didapati perkhidmatan itu akan memberi faedah, pihak MAS akan melancarkan perkhidmatan-perkhidmatan ke beberapa tempat di Eropah dan Timor Tengah. Perkhidmatan

ke tempat-tempat tersebut dan juga ke tempat-tempat yang lain adalah juga bergantung kepada hak-hak mendarat yang perlu diperolehi daripada Kerajaan-kerajaan yang berkenaan itu.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, berapakah perbelanjaan tiap-tiap kali servicing DC 10 di Australia? Saya diberi tahu bahawa servicing tidak ada di negara kita dan ianya mesti dihantar ke Australia. Tiap-tiap kali servicing DC 10 berapakah perbelanjaannya?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Jawapan untuk perkara ini, saya memerlukan notis.

**Tuan Lee Kaw:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini, keuntungan MAS itu didapati lebih sama ada di bahagian internal flight atau international flight. Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa harga tambang internal flight MAS lebih mahal jika dibandingkan di seluruh dunia. Jikalau begini, adakah tindakan diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memaksa MAS menurunkan harga tambang internal flight di Malaysia, iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini hendak bersyarahkan atau hendak bertanya?

**Tuan Lee Kaw:** Hendak bertanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah itu.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan yang pertama, pihak MAS tidak ada membuat perasingan tentang pendapatannya samada dalam negeri atau antarabangsa. Perkara yang kedua, pihak MAS tidak memikirkan bahawa tambang penerbangan dalam negeri dikatakan lebih mahal jika dibandingkan dengan penerbangan-penerbangan lain, kerana sepanjang ianya ditubuhkan sehingga ini MAS hanya dua kali sahaja menaikkan tambang dalam negeri.

**Tuan Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya

daripada penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi MAS telah mencapai kejayaan dari segi keuntungan. Soalan saya, bilakah agaknya Boeing boleh mendarat di Lapanganterbang Alor Star. Kalau tidak boleh, apa sebabnya, dan apakah tindakan Kementerian tersebut supaya Boeing dapat singgah di Alor Star.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain, tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab, bolehlah.

**Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada MAS dibentuk untuk mendapatkan keuntungan yang besar ataupun MAS telah dibentuk untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat umum dan samada MAS ditubuhkan selepas perpisahan dengan MSA ialah kerana Kerajaan Singapura lebih mengutamakan keuntungan sedangkan Kerajaan Malaysia lebih mengutamakan perkhidmatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang kedua itu tidak perlu dijawab.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Bagi menjawab soalan yang pertama, yang sebenarnya fungsi MAS kedua-duanya sekali sebagai sebuah institusi yang menjalankan perniagaan. MAS juga memerlukan keuntungan tetapi dalam pada itu MAS juga dikehendaki memberi perkhidmatan kepada rakyat.

**Tuan Lim Kit Slang:** Bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapa MAS tidak ada angka-angka yang berasingan mengenai untung perkhidmatan tempatan dan angka-angka untung yang berlainan untuk perkhidmatan antarabangsa, oleh kerana ini satu amalan yang biasa untuk semua airlines.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amalan ini tidaklah asing bagi sesebuah badan atau institusi yang menjalankan perniagaannya, maka dengan sebab itu MAS tidaklah memikirkan mustahak atau perlu dibuat akaun yang berasingan di antara pendapatan ataupun perbelanjaan dalam negeri dan juga antarabangsa.

**Tuan Lim Kit Slang:** MAS atau pihak Kerajaan tidak tahu samada perkhidmatan tempatan atau perkhidmatan antarabangsa untung atau rugi oleh kerana tidak ada akaun yang berasingan.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Bagaimana pun tentulah barangkali Ahli Yang Berhormat itu faham bahawa dalam kira-kira MAS tentulah ada perbelanjaan dan keuntungan yang didapati di tiap-tiap route atau jalan, tinggal lagi ini bukan menjadi satu masalah pokok bagi MAS untuk mengadakan akaun yang berasingan.

**Tuan Lim Kit Slang:** Apa yang kita tanya ialah angka-angka itu sahaja, samada ianya keluar daripada kira-kira atau mana-mana pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau mengenai angka, tentulah berkehendakkan notis Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab angka jawapannya?

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Saya rasa untuk menjawab soalan seperti itu ianya memerlukan satu notis dan satu jawapan yang lebih teliti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah yang saya cakapkan tadi (*Ketawa*).

## PELABURAN ASING

6. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kejayaan yang telah dicapai dalam lawatan beliau baru-baru ini ke tiga buah negara di Eropah dalam menggalakkan pelaburan-pelaburan asing untuk melabur di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa soalan yang serupa telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Star pada 16hb Oktober, 1978 dan saya tidak ada apa-apa jawapan tambahan baginya.

## SIARAN TV DI SARAWAK DAN SABAH

7. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rals** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bilakah masanya Sarawak dan Sabah dijangka akan mendapat siaran TV dua saluran seperti di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) adakah bayaran lesen yang dikenakan boleh dikurangkan separuh oleh kerana saluran yang ada sekarang hanya satu sahaja.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr. Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebenarnya penuntun-penuntun TV di Sabah dan Sarawak sekarang ini dapat menuntun siaran TV Malaysia menerusi dua rangkaian, iaitu Rangkaian Ketiga yang disiarkan dari Kota Kinabalu dan Rangkaian Nasional yang disiarkan dari Ibu Negara, Kuala Lumpur. Kedua-dua rangkaian ini disiarkan menerusi saluran yang sama. Walau bagaimanapun, Kementerian saya ada mempunyai rancangan untuk menyediakan dua saluran seperti yang ada di Semenanjung Malaysia bagi siaran TV di Sabah dan Sarawak. Memanglah menjadi cita-cita Kementerian saya untuk membolehkan semua kawasan-kawasan di Malaysia ini agar menerima siaran-siaran TV Malaysia secara yang maksima khususnya di Sabah dan Sarawak. Usaha ini akan mengambil masa yang panjang dan memerlukan kewangan yang banyak. Usaha untuk mencapai matlamat ini sedang dirancangan sekarang.
- (b) Bayaran lesen TV adalah untuk membolehkan seseorang itu menggunakan peti TV secara halal di sisi undang-undang dan penggunaan itu tidak bergantung kepada bilangan saluran atau gelombang yang terdapat di peti TV yang berkenaan. Oleh yang demikian, soal mengurangkan bayaran lesen TV atas alasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak timbul.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu samada

benar atau tidak bahawa Yang Berhormat Menteri Penerangan telahpun mengumumkan bahawa bayaran lesen TV akan dikurangkan tidak lama lagi dan perkara ini sedang dalam pertimbangan, samada ini benar atau tidak, dan kalau sekiranya benar, bilakah pengurangan itu akan dibuat?

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

## KEMUDAHAN SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR

8. **Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar masih ada sekolah-sekolah luar bandar yang tidak mempunyai paip air dan generator letrik serta tidak berpagar sementara setengah-setengahnya pula tidak mempunyai padang permainan yang sempurna. Jika sedar adakah beliau bermaksud hendak melantik suatu pasukan petugas (task force) untuk memeriksa kekurangan yang terdapat di semua sekolah luar bandar dengan maksud memperbaiki kekurangan itu.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar atas keadaan kurang kemudahan-kemudahan di kalangan setengah-setengah sekolah luar bandar seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh sebab itulah pihak Kementerian telah memberi tumpuan pembangunan di sekolah-sekolah luar bandar supaya masalah-masalah yang dibangkitkan itu akan dapat di atasi.

Sayugia diingatkan bahawa oleh sebab beberapa faktor yang kompleks seperti tapak sekolah yang duduk di kawasan-kawasan pendalaman, kekurangan infrastruktur, kedudukan jumlah murid dan sebagainya, pihak Kementerian terpaksa mengatur keutamaan (priority) pemberian kemudahan-kemudahan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan mengurangkan jurang perbezaan keadaan kemudahan-kemudahan ini di antara sekolah-sekolah di bandar dan di luarbandar. Insya Allah, dengan rancangan-rancangan dan pelaksanaan yang teratur dan beransur-ansur, hasrat Kerajaan ini akan dapat dicapai. Berdasarkan kepada kenyataan saya ini maka pihak Kementerian Pelajaran

berpendapat tidaklah payah dilantik satu Jawatankuasa Petugas seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bilakah agaknya pihak Kementerian ini dapat mengadakan satu kemudahan yang standard untuk semua sekolah-sekolah atau kemudahan yang minima untuk semua sekolah-sekolah di bandar dan di luarbandar dan kalau ini ada menjadi matlamat pihak Kementerian yang berkenaan, bilakah tarikhnya perkara ini akan boleh dicapai?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri telah jawab "insya Allah" tadi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Speaker, apakah sebabnya biasanya permohonan daripada sekolah-sekolah rendah umpamanya hendak minta peruntukan menggantikan meja-meja yang berkaki tiga atau dua atau yang sudah rosak biasanya permohonan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Meja berkaki tiga?

**Tuan Chan Teck Chan:** Ya, ada di Melaka, di Sekolah Rendah Rintu, Kampung Baru; tiga pun ada, dua pun ada (*Ketawa*). Tetapi permohonan mereka selalu mengambil masa sehingga 2 tahun atau 1½ tahun lebih. Apakah sebabnya?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu baca soalan ini. Itu soalan lain.

### MIDF—PINJAMAN KEPADA BUMIPUTRA

9. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa MIDF tidak begitu menyeluruh perkhidmatannya kepada Bumiputra kalau dibandingkan dengan keistimewaan yang didapati daripada Kerajaan, dan jika ya, nyatakan:

- (a) berapa banyakkah modal MIDF yang didapati;
- (b) berapakah pinjaman yang dikeluarkan oleh MIDF kepada Bumiputra dan

bukan Bumiputra dari tahun 1976 hingga 1977 dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasinya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, MIDF telah ditajakan oleh Kerajaan pada tahun 1960 untuk menggalakkan kemajuan perindustrian di dalam negara sebagai suatu matlamat utama ke arah mempelbagaikan ekonomi negara. Modal MIDF yang dibayar pada masa itu ialah \$5.25 juta dengan Kerajaan memegang 10 peratus. Dalam tahun 1961, dengan tujuan memperhebatkan dan memperluaskan aktiviti-aktiviti MIDF maka Kerajaan telah memberi pinjaman kepada MIDF sebanyak \$37.5 juta. Dalam tahun 1975, Kerajaan telah memberi pinjaman sebanyak \$100 juta dengan faedah 6½% kepada MIDF. Kerajaan juga telah bersetuju menjadikan \$26.33 juta dari pinjamannya itu kepada modal saham. Dengan ini peratus modal yang dibayar yang dipegang oleh Kerajaan dalam MIDF meningkat kepada 41.3 peratus. Jumlah modal yang dibayar hari ini ialah \$79.6 juta dengan Kerajaan memegang \$32.85 juta (termasuk 6 juta dipegang oleh Bank Negara) dan bakinya dipegang oleh bank-bank dan syarikat-syarikat insuran tempatan dan bank-bank dan syarikat-syarikat insuran asing.

Di antara tahun 1961 dan 1968, MIDF menumpukan usahanya untuk menggalakkan perusahaan pembuatan dengan cara mengesan, menggalak, dan memberi pinjaman-pinjaman jangka panjang dan sederhana kepada projek-projek yang boleh memberi keuntungan dan juga dengan memberikan nasihat teknikal dan kewangan.

Apabila Dasar Ekonomi Baru dilancarkan oleh Kerajaan dalam tahun 1970, MIDF mula mengembangkan perkhidmatannya kepada masyarakat Bumiputra. jumlah pinjaman yang diluluskan kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra dan bukan bumiputra dalam tahun 1974 hingga 1977 adalah seperti berikut:

	1974	1975	1976	1977
Bumiputra	\$14.2 juta	\$19.5 juta	\$ 2.7 juta	\$ 7.4 juta
Bukan Bumiputra	\$84.4 ,,	\$44.7 ,,	\$29.0 ,,	\$31.9 ,,

Di samping terus menjadi badan kewangan yang utama dengan mengadakan kemudahan pinjaman jangka panjang dan sederhana untuk kemajuan perindustrian dalam negeri, MIDF juga telah mengembangkan kemudahan-kemudahan kepada masyarakat Bumiputra dan akan terus berbuat demikian sebagai satu keutamaan bersama-sama dengan badan-badan lain yang telah ditubuhkan untuk memberikan pertolongan kewangan kepada masyarakat Bumiputra. Satu bahagian yang diberi nama Bahagian Pembangunan Bumiputra telah ditubuhkan pada tahun 1978 dalam MIDF yang ditugaskan memberi bukan sahaja pinjaman, bahkan juga jika perlu, membeli saham syarikat-syarikat Bumiputra yang dijangka boleh berjalan dengan menguntungkan serta memberi nasihat membantu dalam melatih usahawan-usahawan Bumiputra dan di mana yang mungkin, menolong menguruskan syarikat-syarikat Bumiputra.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kenyataan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tadi menunjukkan bahawa pinjaman modal kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra adalah kecil kalau dibandingkan dengan pinjaman yang didapati oleh pihak pengusaha bukan Bumiputra. Dalam hubungan ini adakah pengusaha-pengusaha Bumiputra itu kurang tahu tentang kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh MIDF ataupun permohonan daripada pengusaha-pengusaha Bumiputra itu kurang?

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan iaitu penubuhan MIDF ini ialah dalam tahun 1960 iaitu sebelum Dasar Ekonomi Baru dijalankan. Hanya selepas tahun 1970 baru MIDF melancarkan kegiatan untuk menolong Bumiputra dalam bidang kewangan. Tetapi walau bagaimanapun dalam soal Bumiputra mengambil peranan dari segi pinjaman dari MIDF maka pihak Kementerian akan mencari jalan dan ikhtiar untuk memberi pengetahuan umum berkenaan dengan peranan-peranan MIDF untuk kepentingan Bumiputra.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi

ialah mengapa dari tahun 1974 hingga 1977 yang diberi tadi, mengapa sedikit bilangan kepada Bumiputra dan lebih kepada bukan Bumiputra. Itu yang ditanya tadi.

**Tuan Idris bin Abdul Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut perangkaan ini dalam tahun 1976 dan 1977 berlaku kejatuhan dari segi jumlah pinjaman. Ini ialah disebabkan keadaan kemerosotan dalam ekonomi.

## RUMAH-RUMAH MURAH

**10. Dr. Tan Tiong Hong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apa langkah dan tindakan yang akan diambil untuk membina rumah-rumah murah dengan cepat untuk memenuhi kehendak rakyat yang berpendapatan rendah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak jelas oleh kerana beliau tidak menyatakan apakah rumah-rumah murah yang dimaksudkannya itu. Dalam jawapan saya ini rumah murah yang dimaksudkan ialah rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan dan pemaju-pemaju swasta yang berharga kurang daripada \$25,000 seyunit.

Berbagai-bagai langkah dan tindakan sedang dan akan diambil untuk membina rumah-rumah ini dengan cepat. Antaranya adalah seperti berikut:

(a) Kementerian saya memberi keutamaan kepada permohonan untuk mendapatkan lesen atau permit iklan apabila sesuatu rancangan perumahan itu mempunyai rumah berharga rendah dan rumah-rumah yang berharga tidak melebihi \$25,000 seyunit;

(b) Kerajaan Persekutuan telah mengadakan kemudahan kewangan yang mengutamakan rumah berharga rendah. Misalnya, peruntukan sebanyak \$400 juta telah diberi kepada Malaysia Building Society Berhad (MBSB) untuk dipinjamkan kepada pembeli-pembeli rumah yang mana harga rumah di dalam sesuatu projek itu tidak melebihi daripada \$20,000 seyunit dan keutamaan diberi kepada projek yang mana harga rumah ialah \$12,000 seyunit;

(c) Beberapa Kerajaan negeri termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telahpun melonggarkan kehendak-kehendak tertentu di dalam 'Building By-Laws' untuk projek-projek yang mempunyai rumah harga rendah;

(d) Beberapa Kerajaan Negeri (misalnya negeri Johor) dan Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur telah mengenakan syarat supaya beberapa peratus daripada tanah yang diizinkan ditukar syaratnya untuk perumahan hendaklah didirikan dengan rumah-rumah yang harga murah tidak melebihi \$15,000 seunit;

(e) Pada masa ini satu kajian kemungkinan peringkat nasional mengenai "Integrated Site & Services and Related Low Cost Housing Programme" dengan bantuan Bank Dunia sedang dijalankan bagi mengkaji kemungkinan-kemungkinan rancangan perumahan awam kos rendah dalam bentuk yang lain yang sesuai untuk golongan berpendapatan rendah didirikan;

(f) Di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan Persekutuan akan menambah peruntukan untuk perumahan awam kos rendah bagi negeri-negeri yang berupaya membina lebih banyak rumah bagi menjamin projek-projek perumahan awam kos rendah ditambah dengan lebih banyak.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menunjukkan bahawa kos rumah murah ini ialah \$20,000 dan \$15,000 atau \$16,000. Kepada orang-orang yang berpendapatan rendah, ianya masih tinggi lagi harganya. Dalam hubungan ini, adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk memberi subsidi kos infrastruktur atau kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, parit, bekalan air untuk rumah kos rendah ini supaya dapat merendahkan lagi kos rumah itu kepada \$12,000 atau \$10,000.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, harga yang dikatakan \$15,000 hingga \$16,000 ini di dalam kategori lain iaitu MBSB atau pemaju-pemaju perumahan. Rumah awam kos rendah tidak sampai kepada harga itu dan itulah tujuannya harga maksima \$7,500 satu unit rumah yang mana diberi

peruntukan kewangan oleh Kementerian saya kepada negeri-negeri. Dan ada kita beri kepada negeri-negeri yang ada wang dan juga daripada Kerajaan Pusat kita menolong beri subsidi. Mengenai harga tanah dalam bandar, saya faham bahawa tanah rumah ini tidak dapat dibeli tetapi ada subsidi untuk rancangan rumah awam kos rendah sepertimana yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa taksiran beliau tentang rumah murah adalah rumah yang berharga \$25,000 ke bawah. Ingin saya tahu bagaimanakah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat taksiran itu, dan apakah criterion yang digunakan untuk membuat taksiran itu. Dan untuk golongan seperti berpendapat apakah yang rumah-rumah murah ini dibina dan samada beliau sedar bahawa rumah yang berharga tinggi seperti \$25,000 atau \$20,000 pun ada dibeli oleh orang-orang yang bukan berpendapatan rendah, tetapi orang-orang yang kaya dan kemudiannya di sewa kepada orang-orang yang berpendapatan pertengahan dan juga bawah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak sangat soalan tambahan ini.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ia ada dua istilah. Rumah murah dan rumah awam kos rendah. Rumah awam kos rendah ini dilaksanakan oleh public sector kewangan yang diberi peruntukan oleh yakni Kementerian saya kepada Kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya yang mana harga rumahnya tidak melebihi \$7,000 pada satu unit. Dan harga \$15,000 hingga \$20,000 ini taksirannya ialah harga rendah (low price) kerana ia tidak ada infrastructure. Infrastrukturenya dibuat sendiri. Ini boleh dikatakan kebanyakannya dibuat oleh pemaju-pemaju perumahan. Dan sungguhpun harganya semacam itu, dengan tanah dan rumah, saya yakin tanah dan rumah, kalau dijual dengan harga itu, mereka ini tidak mendapat untung. Itulah sebabnya Kementerian saya memberi keutamaan kepada lesen pemaju perumahan kalau mereka buat rumah ke bawah daripada \$25,000 atau \$20,000.

Mengenai soalan yang kedua tentang orang yang mendapatkan rumah, kita ada sediakan borang sumpah (statutory oath declaration). Jadi kalau ada Ahli Yang Berhormat mengetahui adanya orang yang berbuat semacam itu, tolonglah beritahu kepada pihak-pihak yang berkenaan, kalau ada.

Selain daripada itu, sukalah saya menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu tidaklah boleh dibuktikan mereka yang mendapat rumah itu ialah terdiri dari orang yang ada duit sahaja dapat rumah dan orang yang miskin tidak dapat rumah, kerana ada negeri-negeri yang kebanyakannya apabila shortlisted mendapatkan rumah ini, ada mempamirkan selama satu minggu atau lebih daripada dua minggu untuk masa bantahan—period of objection. Kalau ada Ahli Yang Berhormat nampak, tolonglah hantarkan perkara itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini khas bagi Wilayah Persekutuan, jangan merebak ke jauh-jauh sangat.

**Dr. Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri kata definasi rumah murah ialah tidak lebih daripada \$25,000. Tetapi mengikut definasi rakyat biasa inilah sudah jadi bukan rumah murah tetapi sudah rumah mahal. Dan saya hendak tahu, adakah langkah-langkah yang Kementerian telah ambil menstabilkan atau menghentikan kenaikan harga bahan binaan (building materials) di perusahaan binaan di negara kita ini. Oleh kerana jikalau tidak ada langkah-langkah menstabilkan harga bahan-binaan binaan ini, saya ingat di dalam dua tiga tahun akan datang, barangkali definasi rumah murah boleh menjadi rumah-rumah yang tidak melebihi \$35,000.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu definasi rumah murah ini ia ada tiga group, iaitu group pertama, mereka yang benar-benar miskin dan berpendapatan rendah; group kedua, mereka yang berpendapatan pertengahan dan group ketiga, mereka yang berpendapatan tinggi.

Maka public sector, Kementerian saya memperuntukkan peruntukan wang melaksanakan rancangan perumahan awam

kos rendah ialah boleh dikatakan 100% memberi kepada group yang miskin, iaitu mereka yang berpendapatan paling rendah sekali.

Mengenai bahan-bahan binaan, ini bukanlah di bawah bidang Kementerian saya, tetapi di bawah Kementerian Perdagangan, jadi saya tidak dapat jawab soalan itu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa definasi harga rumah murah yang dinyatakan ini adalah bertentangan dengan Rancangan Malaysia Ketiga mehurut Buku Rancangan Malaysia Ketiga halaman 395, perenggan 119. Rumah murah yang berharga murah ialah di dalam lingkungan \$5,000 hingga \$7,000 seunit. Tetapi definasi yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah berlainan. Itu soalan pertama.

Soalan yang kedua, apakah sebabnya Kementerian Yang Berhormat tidak mengadakan rumah dengan 100% mengikut strategy perumahan sepertimana yang termaktub di dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga, kerana selama ini saya tahu Kementerian Perumahan langsung tidak pernah mengadakan satu unit rumah awam yang berharga dalam lingkungan \$5,000 hingga \$7,000 seunit.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun baca Buku Rancangan Malaysia Ketiga khasnya dalam Kementerian saya iaitu dalam bab 19, muka surat 386 dari 1099 ada 33 bab.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, halaman ini saya juga baca. . . . .

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tetapi kalau hendak dihuraikan soalan Ahli Yang Berhormat itu, yang lain tidak payah soal—sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan soalan yang panjang-panjang begitu, tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tetapi saya hendak jawabkan perkara itu. Kita ada satu sekim dinamakan Tabung Wang Pusingan

yang mana harga rumah ialah \$5,000 itu sebab Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak huraikan panjang barangkali Yang Berhormat faham, kalau tidak faham sila datang ke Kementerian, saya boleh beritahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti selepas mesyuarat boleh jumpa di luar (*Ketawa*).

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya kata ialah harga rumah awam yang diberitahu oleh Timbalan Menteri ialah \$25,000 ke bawah, tetapi menurut dokumen Kerajaan iaitu dalam Rancangan Malaysia Ketiga halaman 119 ada menyatakan dengan jelasnya, harga rumah murah ialah di antara \$5,000 hingga \$7,000 seyunit. Tetapi definisi yang diberikan oleh Timbalan Menteri adalah sangat misleading dan confusing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya hendaklah betul-betul jangan panjang, berbelit-belit soalnya jadi payah hendak menjawabnya. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah pakar dalam perkara ini.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, hanya selepas inflasi ini, dia bukan lebih daripada \$7,500 tetapi dinaikkan \$7,000 semenjak daripada buku itu dilancarkan, boleh dikatakan rendah dan itupun kita beri subsidi.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri samada benar atau tidak bahawa pihak Kerajaan melalui MBSB ada memberi pinjaman kepada pemaju-pemaju perumahan untuk membuat rumah murah pinjaman itu dengan kadar bunga lebih kurang 5%, asalkan rumah-rumah yang dibina oleh mereka itu kurang harganya daripada \$20,000.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua sekali, kepada pemaju perumahan pun diberi pinjaman dan kepada orang perseorangan pun diberi pinjaman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada lagi? Ahli Yang Berhormat dari Keluang.

**Tuan Lee Kaw:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar taksiran dari Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah \$5,000

untuk harga rumah murah, tetapi tidak sama di Johor. Kerajaan Negeri Johor menaksirkan \$15,000, lesen adalah dikeluarkan oleh pihak Menteri tetapi kuasa untuk ubah syarat adalah kuasa Kerajaan Johor, diharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri nasihat bagaimana jalannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu, ini ada soalan asal mengenai rumah di Kementerian Wilayah Persekutuan.

### YUNIT RUMAH-RUMAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN

11. **Dr. Tan Tiong Hong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa buah yunit rumah-rumah telah dibina di dalam Wilayah Persekutuan sejak tahun 1974.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya anggapkan rangkaikata rumah-rumah murah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah Rancangan Rumah Awam Kos Rendah yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya daripada peruntukan Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah rumah awam kos rendah yang telah dibina di Wilayah Persekutuan sejak dari tahun 1974 sehingga akhir September, 1978 ialah sebanyak 3,543 yunit.

### PELAJAR-PELAJAR DI INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

12. **Tuan V. David** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran memberi angka-angka tentang pengambilan pelajar-pelajar ke dalam institusi-institusi pelajaran tinggi di negara ini dengan memberi perpecahan mengikut kaum.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telahpun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 10hb Oktober yang lepas di Dewan ini dan saya telahpun menjawabnya.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada soalan tambahan. Dalam Peraturan Mesyuarat 23 (1) (d) perkara yang sudah dijawab dalam penggal ini tidak boleh dibangkitkan lagi.

**Tuan P. Patto:** Tidak, berbangkit dari soalan itu, apa yang dijawab pada hari itu ialah tidak termasuk ITM dan Kolej Tuanku Abdul Rahman. Jadi saya ingin tahu bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi angka-angka bagi ITM dan Kolej Tuanku Abdul Rahman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

**Tuan P. Patto:** Itu enrolment bukan intake. Hari itu enrolment.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan P. Patto:** Hari ini intake.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Dalam perbahasan pada waktu kita mengadakan perbahasan berhubung dengan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti dahulu pun angka-angka telah diberi. Walau bagaimanapun, saya minta maaf oleh sebab dari segi soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya fikir saya bersetuju dengannya, tidak termasuk, cuma saya salah faham sahaja atas institusi pelajaran tinggi.

### GURU-GURU KONTRAK

**13. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah cadangan Kementerian beliau supaya sistem pengambilan bekerja kepada Guru-guru cara kontrak ini dimansuhkan;
- (b) jika tidak mengapa; dan
- (c) tidakkah Menteri sedar bahawa dengan sistem ini pada guru tidak akan berkhidmat penuh dedikasi dan sentiasa berperasaan waswas untuk menghadapi masa depan mereka.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Buat masa ini Kementerian saya tidak bercadang memansuhkan sistem

pengambilan pekerja guru-guru kontrak.

- (b) Kementerian masih memerlukan perkhidmatan mereka untuk menampung keperluan guru-guru dalam bidang-bidang yang khusus seperti Sains Tulin terutama Fizik, Hisab dan Bahasa Inggeris.
- (c) Perkara ini tidak akan berlaku kerana penyambungan kontrak mereka adalah berdasarkan kepada keputusan-keputusan yang dicapai oleh murid-murid di samping laporan-laporan dari Guru-guru Besar yang berkenaan.

### PEGAWAI-PEGAWAI KEBAJIKAN NEGERI/DAERAH

**14. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan berapa banyakkah peruntukan khas yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kebajikan Negeri dan Daerah untuk dikeluarkan serta-merta sekiranya berlaku sebarang kemalangan atau malapetaka di tempat masing-masing yang memerlukan pertolongan segera.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Am tidak ada memberi peruntukan khas kepada pegawai-pegawai kebajikan masyarakat di Negeri-negeri dan Daerah-daerah kerana tiap-tiap Negeri di Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk memberi bantuan serta-merta kepada mangsa-mangsa malapetaka daripada peruntukan Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun sekiranya ada negeri-negeri yang mengalami kekurangan wang dan memerlukan bantuan tambahan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri yang berkenaan bolehlah membuat permohonan kepada Kementerian Kebajikan Am.

### CUKAI EKSPOT ATAS LADA

**15. Tuan Richard Damping anak Laki** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan akan mengecualikan Cukai Ekspot ke atas lada memandangkan kemiskinan penanam-penanam lada ini.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cadangan mengenai perkara ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telahpun menjalankan semakan ke atas cukai lada dalam bulan Julai tahun ini. Dan penjelasan mengenai semakan ini telahpun diberi kepada Dewan yang mulia ini dalam masa saya menggolongkan perbincangan Belanjawan baru-baru ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

DAN

### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

*Jawatankuasa*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (14hb November, 1979)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menyambung jawapannya yang dihentikan pada masa Dewan ditangguhkan semalam.

*Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12, B.13, dan B.14 (Jadual)—*

*Maksud P.8, P.9 dan P.10 (Anggaran Pembangunan, 1979)—*

3.28 ptg.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Pengerusi, pada petang semalam saya telah berhenti di peringkat memberi jawapan kepada teguran-teguran yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar di atas masalah ataupun

kesukaran orang ramai untuk mendaftarkan diri mereka sebagai pengundi-pengundi oleh kerana mereka tidak tahu di mana pondok-pondok pendaftaran.

Seperti mana yang telah saya terangkan pada petang semalam saya telah menyatakan bahawa nama, alamat dan nombor telefon ke semua 154 Pegawai Pendaftaran telah diiklankan di dalam akhbar sebagai satu cara yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk memudahkan orang ramai menghubungi pegawai-pegawai ini sekiranya mengalami kesusahan di dalam mencari tempat untuk mendaftar, tambahan pula publisiti yang begitu meluas telah juga diberi melalui talivisyen, radio dan juga Pejabat Penerangan. Selain daripada itu untuk mengatasi kesukaran ini, pada tahun ini parti-parti siasah telah juga diberikan senarai tempat-tempat pendaftaran di seluruh negara bagi memudahkan mereka untuk memberi bantuan dan maklumat kepada orang ramai sekiranya mereka berhubung kepada parti-parti siasah tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga telah menimbulkan kesukaran orang ramai untuk mendaftar oleh kerana tempat yang dipilih khususnya di bandar Kangar itu tidaklah sesuai oleh kerana mengikut pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu bahawa tempat yang dipilih ialah rumah persinggahan dan rumah persinggahan ini selalunya ialah satu tempat yang sentiasa dikunjungi oleh orang-orang yang mempunyai kereta sahaja. Tetapi setahu saya bahawa rumah persinggahan di Kangar itu dalam keadaan yang sama dengan bangunan-bangunan lain di bandar Kangar tidak begitu jauh daripada bandar dan bukan juga terletak di atas bukit. Yang sebenarnya tidaklah susah sangat kalau orang ramai untuk pergi mengunjungi ke rumah persinggahan untuk mendaftarkan diri mereka. Walau bagaimanapun, pihak Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa cuba memilih tempat-tempat yang berhampiran dengan orang ramai ataupun tempat-tempat yang senang dikunjungi dan Suruhanjaya Pilihanraya akan mengkaji kesesuaian satu-satu tempat itu dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Bachok telah juga menegur tentang Pegawai-pegawai Pendaftar, iaitu Ahli-ahli Yang

Berhormat itu telah meminta supaya Pegawai-pegawai Pendaftar ini terdiri daripada orang-orang yang betul-betul jujur dan sesuai untuk menjalankan kerja-kerja pendaftaran. Sukalah saya menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa memilih orang tempatan untuk menjadi Penolong Pegawai Pendaftaran dan kejujuran seseorang itu sentiasa diawasi oleh pihak Suruhanjaya. Sekiranya ada aduan yang tertentu atau aduan yang tepat, saya berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan membuat laporan kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah juga membuat cadangan supaya pendaftaran dijalankan sepanjang tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu cadangan ini sudahpun berkali-kali ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini. Oleh hal yang demikian, saya tidak ada apa-apa yang lain untuk menambah kepada jawapan-jawapan yang telah diberikan kepada soalan-soalan di atas perkara yang sama.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu juga telah mengatakan bahawa ada terdapatnya orang-orang yang layak mendaftar tidak didaftarkan dan orang yang terdaftar tercacir. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kangar, sukalah saya menyatakan bahawa ada dua peringkat di dalam pendaftaran memilih iaitu pertamanya, seseorang itu mestilah mendaftarkan diri apabila layak dan kedua, menyemak supaya nama mereka masih tercatat di dalam Daftar Pemilih. Kedua-dua ini mestilah dilaku oleh setiap orang yang layak didaftarkan. Pada kebiasaannya, sekiranya nama mereka ada terdaftar sebelumnya maka nama mereka akan terus tercatat dalam Daftar Pemilih kerana nama-nama pemilih yang sedia terdapat tidak akan dipotong kecuali, iaitu pertama Suruhanjaya Pilihanraya diberitahu oleh pemilih itu sendiri bahawa ia ingin didaftarkan di kawasan pendaftaran yang berlainan ataupun Suruhanjaya Pilihanraya diberitahu oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan bahawa mereka yang berkenaan telah mati dan telah hilang kelayakan menjadi pemilih. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab seseorang itu sendiri menyemak Daftar Pemilih apabila ianya dipamirkan untuk memastikan supaya

namanya masih lagi tercatat di dalam Daftar Pengundi dan sekiranya namanya tidak tercatat walaupun sudah mendaftarkan diri, ia bolehlah membuat tuntutan kepada Pegawai Pendaftaran.

Soal Borang Sumpah yang tersalah kepilkan kepada kertas penamaan calon yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok, sukalah saya menyatakan bahawa perkara seperti ini telahpun berlaku dan oleh kerana perkara sudahpun menjadi satu kes Polis dan akan menjadi satu kes Mahkamah, saya tidak berniat untuk menyentuh perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga telah mengeluarkan satu cadangan supaya penyokong-penyokong kepada seseorang calon pilihanraya itu supaya mereka sama-sama hadir di dalam Dewan Penamaan Calon dan menandatangani borang pencalonan itu di hadapan Pengurus Pilihanraya untuk mengelakkan penipuan dalam tandatangan. Sukalah saya menyatakan bahawa bagi pihak Kerajaan tidak dapat memberikan galakan kepada cadangan ini kerana tidak nampak pentingnya diadakan peraturan seperti ini. Oleh kerana sekiranya ada penipuan maka bantahan boleh dibuat bukan sahaja dalam masa bantahan pada hari penamaan calon, tetapi boleh dibuat bila-bila masa sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah menimbulkan soal berkenaan dengan sistem pengiraan undi, iaitu pertamanya kertas undi yang rosak nampaknya mengikut Ahli Yang Berhormat dari Bachok tidak sama di antara seorang Pengurus Pilihanraya dengan yang lain. Sebenarnya Suruhanjaya Pilihanraya telahpun mengadakan taklimat dan kursus sebelum satu-satu pilihanraya kepada semua Pengurus-pengurus Pilihanraya supaya cara memutuskan undi rosak dapat diselaraskan, tambahan pula dalam masa mengira kertas-kertas undi itu setiap kertas undi yang dikirakan rosak ditunjukkan dahulu kepada calon-calon yang berkenaan sebelum dibuat keputusan. Jadi tak adalah tujuan daripada pihak Kerajaan untuk memindahkan keadaan ini.

Satu lagi perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok ialah

**berkenaan dengan kemungkinan kekeliruan di dalam pengiraan undi oleh kerana bakul-bakul kertas undi itu berdekatan. Sebenarnya saya fikir ini tidak timbul oleh kerana wakil-wakil pengira undi setiap calon itu ada di dalam Dewan Mengira Undi dan sentiasa memerhatikan Kerani-kerani Mengira Undi. Jadi wakil-wakil pengira undi ini bukan duduk 5 ela, 10 ela jauhnya tetapi duduk berdepan pula dengan Kerani-kerani Pengira Undi, jadi tidak timbullah soal boleh keliru atau tidak.**

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menimbulkan masalah berhubung dengan filem yang dikatakan oleh beliau menunjukkan orang Melayu ketinggalan kebelakang kerana lewat mengundi, jadi Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah mencadangkan bahawa filem ini dipindahkan. Sebenarnya bukanlah niat Suruhanjaya Pilihanraya untuk memberi gambaran yang kurang baik terhadap orang-orang Melayu tujuan sebenarnya ialah untuk mengingatkan orang ramai supaya jangan bersikap sambil lewa atau menunggu hingga ke saat terakhir pada hari membuang undi. Walau bagaimanapun, kami mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang telah menimbulkan perkara ini dan sekiranya didapati bahawa boleh dipinda filem itu, kami akan lakukan.

Soal Suruhanjaya Bebas untuk mengkaji cara penamaan calon dan sistem pendaftaran pemilih telah beberapa kali dibangkitkan dan sekali ini juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Pada pandangan saya oleh kerana perkara ini sentiasa dibangkitkan dan jawapan-jawapan telah diberikan dalam jawapan-jawapan mulut, saya tidak ada apa-apa yang hendak saya tambahkan kepada jawapan mulut yang telah diberikan dalam Dewan Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, beralih pula kepada B.5 iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menimbulkan masalah brain-drain yang dikatakannya berlaku di dalam pentadbiran awam. Ahli Yang Berhormat itu membuatkan cadangan supaya membentarkan brain-drain ini, beliau mencadangkan supaya tanggungaji dibaiki, lebih-lebih lagi bagi pegawai-pegawai professional. Memanglah

Kerajaan sedar bahawa adanya pegawai-pegawai daripada perkhidmatan awam yang meletakkan jawatan mereka untuk memasuki sektor swasta. Perkara ini berlaku bukan sahaja di kalangan pegawai-pegawai professional bahkan juga berlaku di kalangan pegawai-pegawai bukan professional. Tetapi ianya tidaklah begitu rumit ataupun serius seperti yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu. Pada kebetulannya ada juga pegawai-pegawai yang datangnya daripada sektor swasta yang masuk kepada perkhidmatan awam. Jadi ini terpulanglah kepada kehendak masing-masing dan di samping itu ada juga orang-orang ataupun pegawai-pegawai yang bekerja dalam sektor swasta dengan sebuah firma meletakkan jawatan mereka di dalam sebuah firma untuk masuk ke dalam firma yang lain. Jadi perkara pengaliran ataupun bertukar jawatan ini sentiasa berlaku dan tidaklah begitu serius seperti diberikan gambaran oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Walaupun bagaimanapun soal tanggungaji pula, Kerajaan pun sudah memeriksa tanggungaji dan lain-lain kemudahan bagi pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam baru sahaja dan di mana sesuai tanggungaji telahpun dinaikkan. Kerajaan juga pada masa ini menjalankan langkah jangka panjang dengan menambahkan bilangan tenaga terlatih untuk berkhidmat di dalam Kerajaan khususnya.

Tuan Pengerusi, beralih kepada Jabatan Perdana Menteri, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah juga menyentuh tentang Urusetia Rukun Tetangga dan beliau telah mengatakan bahawa orang ramai masih lagi tidak mengetahui tentang konsep Sekim Rukun Tetangga ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu tindakan yang telah diambil setakat ini ialah pertamanya mengeluarkan risalah-risalah mengenai Sekim Rukun Tetangga dan diedarkan kepada orang ramai khususnya mereka yang tinggal di dalam sektor-sektor Rukun Tetangga. Risalah-risalah ini pun biasanya di dalam empat bahasa.

Yang kedua, ialah dengan cara mengadakan filem documentary mengenai beberapa aspek Sekim Rukun Tetangga yang

ditayangkan di TV ataupun di panggung-panggung wayang dan juga oleh Jabatan Penerangan.

Yang ketiga, ini satu perkara yang sedang dilakukan oleh Urusetia Rukun Tetangga, ialah dengan mengeluarkan bulletin bulanan iaitu Suara Rukun Tetangga, tetapi memang diakui oleh Urusetia Rukun Tetangga bahawa pengedarannya tidaklah mencukupi dan pada tahun hadapan bermula daripada bulan Januari bulletin ini akan ditambahkan sehingga satu juta naskah dan pengedarannya ialah seperti berikut: iaitu kepada mereka yang tinggal di dalam sektor-sektor Rukun Tetangga, yang kedua melalui pejabat-pejabat Kerajaan, umpamanya Pejabat-pejabat Daerah, yang ketiga kepada Wakil-wakil Rakyat dan Senator-senator. Cara yang keempat Urusetia Rukun Tetangga sedang mengambil jalan untuk mengatasi masalah yang dikatakan orang ramai tidak tahu tentang konsep Rukun Tetangga ini ialah beberapa jawatan kosong yang ada di dalam Urusetia Rukun Tetangga telahpun diisi di peringkat Negeri dan di Urusetia Rukun Tetangga itu sendiri. Ini akan memudahkan perjalanan Sekim Rukun Tetangga itu samada dari segi perlaksanaannya ataupun dari segi penerangan dan di samping itu pegawai-pegawai daripada Urusetia Rukun Tetangga sentiasa sedia untuk memberikan ceramah-ceramah di seberang majlis perjumpaan orang ramai. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ingin menjemput pegawai-pegawai daripada Urusetia Rukun Tetangga, saya percaya bahawa mereka sanggup dan sedia menerima jemputan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah juga menimbulkan soal pampasan bagi mereka yang cedera semasa menjalankan tugas di bawah Sekim Rukun Tetangga. Soal pampasan ini sudahpun diperuntukan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Jumlah pampasan iaitu bagi kematian ialah sebanyak maksima \$10,000 dan bagi kecederaan yang lain pampasan yang bersesuaian diberikan mengikut kadar yang tertentu.

Saya beralih pula kepada Urusetia Ugama iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah ingin tahu bilangan masjid-masjid di seluruh Malaysia termasuk Kelantan. Sukacita saya

menyatakan bahawa Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telahpun diberitahu bahawa masjid-masjid di seluruh Malaysia ialah sebanyak 3,807 buah termasuk 435 buah di Kelantan.

Ahli Yang Berhormat itu juga ingin tahu adakah peruntukan-peruntukan bantuan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada masjid-masjid tersebut, berhubung dengan perkara ini Kerajaan Persekutuan adalah sentiasa menimbangkan dari semasa ke semasa dan samada bantuan-bantuan berupa kewangan dapat diberikan kepada pegawai-pegawai masjid berkenaan, sukaulah saya menyatakan bahawa bantuan berupa kewangan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan masjid ialah di bawah pertimbangan Kerajaan-kerajaan Negeri kerana soal ugama adalah soal Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Pusat melalui Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sentiasa berusaha bagi menyelaraskan pentadbiran ugama Islam dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Berhubung dengan perkara tersebut, hasil daripada Persidangan Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam Negeri-negeri seluruh Malaysia pada 17hb Oktober, 1978 pada dasarnya mereka telah bersetuju untuk dikaji penyelarasan sekim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai masjid.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah bertanya tentang soal pentadbiran zakat fitrah dan cara-cara pembahagiannya dan juga jumlah kutipan Tabung Ekonomi Islam sehingga hari ini dan jumlah wang yang telah dilaburkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, soal pentadbiran zakat, samada zakat fitrah atau semua jenis zakat seperti harta, ternakan, wang simpanan, emas-perak, galian, tanaman, perniagaan dan sebagainya, adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri masing-masing adalah bertanggungjawab menjalankan pungutan tersebut. Pada keseluruhannya semua negeri menjalankan daya usaha memunggut zakat tersebut kerana ianya adalah merupakan satu aktiviti yang termaktub di dalam Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri. Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan usaha mengutip zakat fitrah ini dijalankan sepenuhnya oleh Majlis

Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan menubuhkan pusat-pusat kutipar di masjid-masjid, surau atau di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai dan dilantik pula bagi tiap-tiap pusat tersebut seorang ketua amil dan beberapa orang pembantu amil.

Berhubung dengan pembahagian zakat fitrah ini pada umumnya adalah mengikut ketetapan syarak, iaitu dengan membahagikan hasil pungutan itu kepada 8 asnaf atau bahagian secara sama banyak iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, pehutang, filriqab, fisabilillah dan musafir.

Berhubung dengan jumlah kutipan Tabung Ekonomi Islam pula, sehingga hari ini sebanyak \$762,093.47 telah dikumpulkan dan sebanyak \$690,000 telahpun dilaburkan di dalam Perbadanan Trengganu Tengah ataupun dipanggil dengan ringkas KETENGAH dan dua biasiswa telah juga dikeluarkan untuk dua orang penuntut di dalam bidang perubatan. Ini telah dikeluarkan memandangkan oleh kerana tabung ini bercadang untuk menubuhkan sebuah Hospital Islam dan segala urusan pada masa ini masih lagi di peringkat perundingan.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga telah menimbulkan mengapa turunnya peruntukan Belanjawan bagi Pentadbiran Agama Islam Jabatan Perdana Menteri dan turunnya bilangan jawatan-jawatan pada tahun 1979. Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah memberi bandingan bahawa seolah-olah Kerajaan ini lebih mementingkan Rukun Tetangga daripada agama Islam sendiri.

Sebenarnya kalau Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu membaca pula peruntukan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, Ahli Yang Berhormat itu boleh dapat mengetahui bahawa Bahagian Pentadbiran Agama Islam Jabatan Perdana Menteri sudah dipecahkan kepada dua, iaitu satu kepada Bahagian Wilayah Persekutuan dan satu lagi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi sebenarnya Urusetia Majlis Hai Ehwat Agama Islam peruntukannya ada di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Perkara yang serupa juga berlaku kepada bilangan jawatan dan pegawai agama Jabatan

Perdana Menteri di mana sebanyak 133 jawatan telah dipindahkan ke Kementerian Wilayah Persekutuan. Jadi, sukalah saya nasihatkan Ahli Yang Berhormat itu mengkaji semula buku Belanjawan, supaya janganlah buatkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

Yang ketiganya persoalan juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak berhubung dengan kalau tidak salah saya minuman keras dipanggilkan brandy yang mempunyai label "Mahaguru". Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengatakan bahawa ini menunjukkan bahawa Jabatan Agama kurang inisiatif sehinggakan menunggu perkara ini dikeluarkan di dalam suratkhbar ataupun dikeluarkan dalam Dewan yang mulia ini juga.

Berhubung dengan penggunaan "Mahaguru", pertamanya, sukalah saya mengatakan bahawa satu ketetapan telah diambil oleh sebuah jawatankuasa yang dilantik oleh persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama yang mana telah diputuskan setiap perkataan yang didahului dengan perkataan "Maha" hendaklah tidak digunakan melainkan untuk menerangkan sifat-sifat Allah sahaja. Jadi, perkataan "Mahaguru" ini telah dinasihatkan supaya jangan diguna oleh sesiapa. Perkara ini saya akan majukan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk tindakan mereka selanjutnya.

Berhubung dengan tuduhan bahawa pegawai-pegawai agama tidak mempunyai inisiatif, ini tidaklah benar. Pegawai-pegawai agama terutama di Bahagian Pusat Penyelidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri sentiasa mengikuti apa-apa masalah berhubung dengan Islam. Semua perkara-perkara yang diselidik adalah dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia dan juga kepada Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Negeri-negeri untuk diambil tindakan oleh negeri-negeri berkenaan. Pegawai-pegawai Agama di Jabatan Perdana Menteri tidak mempunyai apa-apa kuasa selain daripada memberi nasihat dan membuat laporan kepada pihak yang berkenaan. Tindakan selanjutnya bergantung kepada Jabatan Agama peringkat negeri-negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menimbulkan tentang

Lembaga Perpaduan Negara dan telah mengesyorkan supaya satu instituit perhubungan ditubuhkan bagi mengkaji masalah perkauman. Kerajaan berpendapat bahawa setakat ini instituit tersebut tidaklah perlu ditubuhkan buat masa ini oleh kerana Lembaga Perpaduan Negara sekarang pun sememangnya telah sedia ada sebuah Bahagian Penyelidikan yang bertugas membuat kajian mengenai masalah perhubungan kaum di Negara ini. Tambahan daripada itu Lembaga Perpaduan Negara akan terus menjalankan kajian-kajian mengenai perhubungan kaum ini dalam konteks perpaduan negara dan berdasarkan kepada hasil yang diperolehi laporan-laporan dan cadangan-cadangan adalah dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Di dalam menjalankan kajian-kajian Lembaga Perpaduan Negara akan bekerjasama rapat dengan institusi-institusi pengajian tinggi dan Lembaga juga menyediakan grant penyelidikan kepada pakar-pakar dari pusat pengajian tinggi tersebut. Sukalah juga saya menyatakan bahawa sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8hb November yang lalu dalam ucapan menggulung Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 bagi Jabatan Perdana Menteri, peranan untuk memupuk perpaduan bukanlah hanya tugas Lembaga Perpaduan Negara sahaja tetapi tugas untuk semua rakyat dan agensi-agensi Kerajaan melalui aktiviti-aktiviti mereka pada keseiuruhannya.

Saya beralih pula kepada Yunit Penyelidikan dan Sosio-ekonomi dan Perancangan Am, ini telahpun disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Sukalah saya menyatakan bahawa penyelidikan telahpun dijalankan dan tindakan-tindakan yang tegas telahpun diambil untuk memperbaiki keadaan setinggan-setinggan di Malaysia khususnya di kawasan Wilayah Persekutuan.

Bahagian Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am dan agensi lain baru-baru ini telah menjalankan kajian mengenai setinggan. Tindakan bagi memindahkan setinggan-setinggan itu ke kawasan baru dengan kemudahan-kemudahan yang perlu telahpun mula dijalankan. Satu laporan khas telahpun disampaikan kepada Kerajaan

mengenai perkara ini. Bahagian Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am juga banyak menjalankan penyelidikan lain berhubung dengan kumpulan-kumpulan miskin di Malaysia termasuk petani-petani, penarik-penarik beca, penjaja-penjaja, penduduk-penduduk estet, nelayan-nelayan, penduduk-penduduk kampung baru dan sebagainya. Penyelidikan itu adalah diperlukan supaya dapat membuat kesimpulan yang tegas bagi memperbaiki dasar-dasar kemajuan sosio-ekonomi yang ada. Setakat ini Bahagian ini tidak ada menjalankan penyelidikan mengenai penyalahgunaan dadah kerana ini adalah tugas PEMADAM dan beberapa penyelidikan telah dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang di dalam perkara ini. Bahagian ini juga menjalankan penyelidikan sosio-ekonomi bersarna-sama dengan agensi lain seperti kajian klasifikasi kampung, kajian pekerja-pekerja industri dan kajian petunjuk-petunjuk sosio-ekonomi untuk memperbaiki usaha penilaian terhadap pembangunan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah juga menyentuh tentang Biro Pengaduan Awam yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sukalah saya menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menegaskan di Parlimen beberapa ketika dahulu bahawa laporan tahunnya tidak diberikan kepada semua Ahli Parlimen atau pihak-pihak penerima aduan yang lain. Ini ialah kerana laporan-laporan itu adalah bertujuan untuk tindakan pentadbiran oleh pihak-pihak yang terlibat sahaja. Kerana tugas yang semakin banyak Biro Pengaduan Awam ini telah disusun semula dan diperluaskan. Ini tidak melibatkan pemberian kuasa yang lebih kerana konsep Biro itu ialah untuk menjadi perantaraan antara orang ramai dengan Kerajaan bagi menjalinkan hubungan yang lebih baik dan menghapuskan tindakan pentadbiran yang kurang adil atau memuaskan. Satu jawatankuasa peringkat tinggi telah juga ditubuhkan untuk mengkaji perkara-perkara tertentu bagi tindakan yang lebih tegas terhadap pihak-pihak pentadbiran yang tidak mengambil tindakan. Lain-lain hal yang menyentuh soal undang-undang, telah dimajukan kepada agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah juga menyentuh tentang bantuan kepada penjaja-penjaja kecil iaitu sebanyak \$11.5 juta di Semenanjung, \$210 ribu di Sarawak dan \$100 ribu di Sabah. Sukalah saya menyatakan bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu peruntukan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertamanya peruntukan kewangan ini boleh digunakan untuk kemudahan-kemudahan asas ataupun infrastruktur bagi penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil. Dan kedua peruntukan ini boleh digunakan sebagai bantuan kemudahan-kemudahan berniaga seperti pemberian kereta sorong, kereta sorong jenis basikal ataupun perkakas-perkakas kandar dan lain-lain. Sukalah saya menyatakan bahawa peruntukan ini ialah melalui Pegawai Kemajuan setiap negeri dan Pegawai Kemajuan Negeri ini perlu berunding dengan penguasa-penguasa tempatan di dalam memperuntukkan tapak-tapak perniagaan dan kemudahan yang diperlukan supaya program itu tidak bercanggah dengan program-program penguasa tempatan yang sedia ada. Tambahan pula kemudahan-kemudahan untuk tapak perniagaan juga boleh diadakan di kawasan-kawasan FELDA dan kampung-kampung yang besar jika difikirkan ada sambutan ataupun diperlukan.

Sukalah saya beralih kepada B. 9 iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam. Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menimbulkan perkara berhubung dengan kelambatan pembayaran pencen iaitu dibangkitkan secara am dan tidak ada perkara (specific case) yang tertentu. Sukalah saya menyatakan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam sekarang ini bergiat mengambil tindakan untuk mempercepatkan pembayaran pencen. Kelambatan jika ada cuma bagi kes-kes yang tertentu dan oleh sebab-sebab yang luar biasa sahaja. Sekarang ini biasanya pesara-pesara dapat menerima pencen atau ganjaran dalam sebulan selepas ia bersara, sekurang-kurangnya pendahuluan (advance) dibayar dahulu menunggu penyelesaian perkiraan pencen yang sebenarnya. Bagi kes tertentu yang mana disebutkan pembayaran terlambat kerana rekod perkhidmatan tidak sempurna, Jabatan Perkhidmatan Awam terpaksa menentukan bahawa perkhidmatan pegawai berkenaan dikemaskan.

Bagaimanapun bagi tempoh yang telah ditentukan pendahuluan juga dibayar. Satu daripada cara yang dijalankan sekarang untuk menentukan pembayaran pencen awal ialah pegawai-pegawai diingatkan supaya mengemaskan rekod perkhidmatan mereka apabila mereka meningkat umur 50 tahun dan sekali lagi mereka diingatkan apabila mereka meningkat umur 54 tahun serta dengan cadangan-cadangan kepada Ketua-ketua Jabatan supaya mula menyediakan kertas-kertas pencen. Buku-buku kecil mengenai tanggungjawab Ketua Jabatan, bakal pesara dan pesara-pesara sendiri telah diedarkan pula. Hasil dari ini pembayaran pencen secara umumnya telah dapat dijalankan dengan awal lagi.

Sukalah saya beralih semula kepada B. 1—Parlimen di mana Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyentuh tentang tidak adanya potret lukisan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong dipamirkan di luar lobi di sana dan sukalah saya menyatakan perkara ini adalah di dalam tindakan dengan seberapa segera yang boleh, pihak Parlimen akan menyediakan potret tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak pula telah menimbulkan tentang album cenderamata iaitu satu album dibahagikan kepada pelawat-pelawat ke Parlimen ini mengandungi gambar-gambar serta latar-belakang Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara ini akan dirundingkan dengan pihak Parlimen, tetapi akan menimbangkan dari segi aspek kos yang terlibat.

Sekianlah, Tuan Pengerusi, jawapan saya kepada perkara ini, terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,346,600 untuk Maksud B. 1, \$217,200 untuk Maksud B. 2, \$12,252,700 untuk Maksud B. 3, \$3,446,200 untuk Maksud B. 4, \$2,417,800 untuk Maksud B. 5, \$135,000 untuk Maksud B. 6, \$1,526,660 untuk Maksud B. 7, \$111,039,700 untuk Maksud B. 8, \$167,001,600 untuk Maksud B. 9, \$15,791,300 untuk Maksud B. 10, \$865,700 untuk Maksud B. 11, \$2,737,400 untuk Maksud B. 12, \$2,035,300 untuk Maksud B. 13 dan \$19,552,900 untuk Maksud

B. 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$266,159,475 untuk Maksud P. 8, \$3,000,000 untuk Maksud P. 9 dan \$3,498,050 untuk Maksud P. 10 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

*Maksud B. 15, B. 16, B. 17, B. 18, B. 19, B. 20 dan B. 21 (Jadual)—*

*Maksud P. 15, P. 17, P. 18, P. 19 dan P. 20 (Anggaran Pembangunan, 1979)—*

4.02 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk mengemukakan Anggaran Belanjawan Mengurus 1979 untuk Kementerian saya iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kepala B. 15) dan juga jabatan-jabatan di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Jabatan-jabatan itu ialah:

Jabatan Perancang Bandar dan Desa (Kepala B. 16);

Jabatan Bomba (Kepala B. 17);

Jabatan Arkib Negara (Kepala B. 18);

Jabatan Perpustakaan Negara (Kepala B. 19);

Jabatan Cetak Kerajaan (Kepala B. 20);

Jabatan Pertahanan Awam (Kepala B. 21).

Jumlah yang dipohon ialah \$218,829,645. Daripada jumlah ini, jumlah yang diperlukan untuk Belanja Mengurus ialah \$68,384,900 dan bagi Belanja Pembangunan pula ialah \$150,444,745.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meminta kelulusan Dewan ini, mula-mula saya ingin menerangkan Anggaran Belanja Mengurus.

*Kepala Bekalan 15—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (\$15,564,700)*

Kementerian ini memerlukan peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak \$15,564,700 bagi tahun 1979. Peruntukan sebanyak ini adalah diperlukan bagi membiayai gaji kakitangan Kementerian, Jabatan Perumahan Negara dan Bahagian Kerajaan Tempatan, termasuk membayar tuntutan perjalanan

pegawai-pegawai dan kerja-kerja penyelidikan. Di samping itu juga untuk perbelanjaan bagi melaksana dan menjayakan dasar penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan di seluruh negara.

*Kepala Bekalan 16—Jabatan Perancang Bandar dan Desa (\$2,081,000)*

Bagi tahun 1979 Jabatan Perancang Bandar dan Desa memerlukan peruntukan sebanyak \$2,081,000 dan jumlah ini merupakan tambahan sebanyak \$211,000 dari peruntukan tahun 1978. Tambahan ini adalah disebabkan oleh tambahan pegawai-pegawai baru untuk mengisi jawatan-jawatan baru di Jabatan tersebut.

Pada keseluruhannya aktiviti-aktiviti Jabatan ini pada tahun 1979 adalah lanjutan perkhidmatan-perkhidmatan perancangan baik dalam bidang Perancangan Kawasan dan Perancangan Luar Bandar ataupun dalam bidang penyelidikan dan latihan.

*Kepala Bekalan 17—Jabatan Perkhidmatan Bomba (\$25,599,000)*

Jabatan Perkhidmatan Bomba akan memerlukan peruntukan sejumlah \$25,599,000 bagi tahun 1979. Jabatan ini akan meningkatkan lagi mutu dan prestasi Perkhidmatan Bomba dengan menambahkan bilangan anggota-anggota Bomba kepada keadaan yang sesuai dan standard. Latihan-latihan asas, latihan-latihan dalam perkhidmatan di dalam dan di luar negeri kepada anggota-anggota dan pegawai-pegawai Perkhidmatan Bomba akan diadakan untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan teknik dan ikhtisas.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

*Kepala Bekalan 18—Jabatan Arkib Negara—(\$2,080,000)*

Pada tahun 1979 Arkib Negara memerlukan peruntukan sebanyak \$2,080,000 untuk menunaikan tugas-tugas dan tanggung-jawabnya yang kini bertambah. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1978 sebanyak \$34,500.

Penambahan peruntukan ini mencerminkan penambahan dan pemesanan tugas-tugas serta

perolehan bahan-bahan untuk Arkib Negara supaya dapat memperluaskan lagi aktiviti-aktivitinya di samping usaha-usaha ke arah pengumpulan dan penyediaan maklumat serta memelihara segala bahan-bahan berkenaan dan menyelenggara projek Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak yang ditubuhkan pada tahun 1976. Jumlah kakitangan bertambah kepada 209 orang berbanding dengan 184 orang pada tahun 1978. Pada keseluruhannya kerja-kerja Jabatan ini akan dipesatkan.

*Kepala Bekalan 19—Jabatan Perpustakaan Negara (\$2,700,000)*

Pada tahun 1979, Perpustakaan Negara memerlukan peruntukan sebanyak \$2,700,000 di bawah perbelanjaan mengurus. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1978 sebanyak \$600,300.

Penambahan peruntukan ini adalah sebahagian besar disebabkan oleh pesatnya perkembangan Perpustakaan Negara. Koleksi Perpustakaan Negara dijangka akan melebihi 150,000 naskah dalam tahun 1979 dan pembaca-pembaca juga akan melebihi 75,000 orang. Sambutan orang ramai terhadap perkhidmatan perpustakaan awam bagi wilayah Persekutuan sangat menggalakkan dan pinjaman bahan-bahan serta aktiviti-aktiviti khas untuk menarik orang ramai juga akan bertambah. Perkhidmatan kesedaran sektor swasta akan disediakan. Perkembangan perkhidmatan yang pesat ini akan mengakibatkan belanja sewaan yang tinggi di Wisma Sachdev Thakurdas dan Bangunan MABA. Di samping itu, Perpustakaan Negara juga dijangka akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam penyelarasan dan perkembangan Perpustakaan Awam, khususnya pada peringkat negeri.

*Kepala Bekalan 20—Jabatan Cetak Kerajaan (\$19,049,000)*

Bagi tahun 1979, Jabatan Cetak Kerajaan memerlukan peruntukan untuk perbelanjaan mengurus sebanyak \$19,049,000. Dari jumlah ini, sebanyak \$8,297,870 ialah untuk perbelanjaan gaji kakitangan. Sebanyak 74 jawatan baru termasuk 49 jawatan bagi Bahagian Keselamatan akan ditubuhkan.

Sejumlah \$7,747,800 lagi akan digunakan bagi perbelanjaan Bekalan dan Bahan-bahan.

Ini merupakan lebih sebanyak \$2,903,967 dari peruntukan tahun 1978. Lebihan ini hanya merupakan dapatkan balik peruntukan separas dengan peruntukan sebelum tahun 1978, oleh kerana kekurangan ruangan tempat menyimpan bekalan kertas untuk stok 18 bulan pada masa sekarang.

*Kepala Bekalan 21—Jabatan Pertahanan Awam (\$1,311,200)*

Jabatan Pertahanan Awam memerlukan peruntukan sebanyak \$1,311,200 bagi tahun 1979. Pada keseluruhannya, perbelanjaan Jabatan ini tidak bertambah jika dibandingkan dengan tahun 1978. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan tanggungjawab baru di Sabah dan Sarawak dalam tahun 1978 akan menyebabkan tambahan dalam perbelanjaan Jabatan ini kelak.

Pada tahun 1979, Jabatan ini akan menyusun semula organisasinya mengikut Wilayah dan pelaksanaan ini akan diiakukan dengan sepenuhnya dan banyak kursus pusat di peringkat Wilayah akan dijalankan di tiap-tiap Ibu Pejabat Wilayah. Di samping itu, kursus-kursus latihan pusat khasnya mengenai penyelamatan akan dianjurkan secara intensif bagi menentukan pencapaian matlamat dasarnya serta meninggikan pengetahuan dan kemahiran dalam aspek-aspek pertahanan awam.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin pula menerangkan Anggaran Belanjawan Pembangunan bagi Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1979.

*Kepala Pembangunan 15—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (\$138,917,008).*

Di bawah Kepala ini peruntukan sebanyak \$138,917,008 adalah diperlukan bagi melaksanakan berbagai projek pembangunan perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah kelolaan Kementerian saya. Jumlah ini merupakan tambahan sebanyak \$29,881,573 daripada tahun 1978. Daripada jumlah \$138,917,008 ini sejumlah \$21,017,789 adalah dalam bentuk peruntukan secara langsung (grant) dan \$117,899,219 adalah di dalam bentuk pinjaman (loan).

Aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan oleh Kementerian pada tahun 1979 adalah seperti berikut:

*Tajuk*

(1) Pemberian untuk projek-projek di kawasan bandar dan Majlis Tempatan	\$ 150,400 (cara langsung)
(2) Bantuan khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan	\$15,667,389 (cara langsung)
(3) Rancangan Perumahan Kampung Baru	\$ 10 (Peruntukan tanda)
(4) Perumahan Awam tambah suai	\$ 10 (Peruntukan tanda)
(5) Instituti Penyelidikan Perumahan Negara (MAHRI)	\$ 200,000 (cara langsung)
(6) Perumahan Awam Negeri-negeri	\$98,915,607 (Pinjaman)
(7) Pinjaman kepada Lembaga Kemajuan Negeri Pahang untuk Perumahan Pelabuan Kuantan	\$ 3,158,582 (Pinjaman)
(8) Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak	\$12,600,000 (Pinjaman)
(9) Suruhanjaya Perumahan Sabah	\$ 10 (Peruntukan tanda)
(10) Kemajuan Perkampungan	\$ 5,000,000 (cara langsung)
(11) Tambahan kepada Saluran Najis, Georgetown	\$ 1,300,000 (Pinjaman)
(12) Pasar Baru Ipoh	\$ 1,500,000 (Pinjaman)
(13) Membaiki longkang-longkang besar Majlis Perbandaran Melaka	\$ 426,000 (Pinjaman)

*Kepala Pembangunan 17—Jabatan Perkhidmatan Bomba (\$7,858,440).*

Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$7,858,440 bagi tahun 1979. Peruntukan ini adalah diperiuken bagi rancangan pembangunan peringkat ketiga jabatan ini.

Adalah menjadi tujuan dan dasar Jabatan ini untuk meningkatkan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan Bomba dengan menggantikan dan menambahkan secara berperingkat-peringkat bilangan kereta-kereta Bomba pada tiap-tiap Balai dengan beberapa jenis kenderaan sesuai dengan keadaan setempat seperti "Water Tender" "Snorkel"

dan lain-lain, juga melengkapi tiap-tiap Balai Bomba dengan alat kelengkapan pemadam api dan kebombaam yang sesuai dan moden.

Jabatan ini juga mencuba seberapa cepatnya pelaksanaan menggantikan balai-balai yang telah lama dan usang serta mengadakan balai-balai baru di kawasan-kawasan pembangunan sosio-ekonomi dan perkembangan penduduk yang begitu pesat.

*Kepala Pembangunan 18—Jabatan Arkib Negara (\$2,438,126)*

Peruntukan yang dipinta oleh Jabatan ini bagi tahun 1979 ialah berjumlah \$2,438,126. Daripada jumlah ini sebanyak \$2,438,116 adalah diperlukan untuk projek pembinaan bangunan Arkib Negara. Kerja-kerja asas pembinaan bangunan ini telah dijalankan selepas bulan Julai, 1977 di sebuah tapak seluas lebih kurang 7 ekar di Jalan Duta. Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi projek ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah \$5.8 juta.

Baki sebanyak \$10 ialah peruntukan tanda yang telah dimasukkan bagi projek Rancangan Rekod-rekod penting negara. Tujuan projek ini ialah untuk menjalankan satu program mengenai keselamatan rekod-rekod penting Kerajaan yang masih dipakai supaya salinan dalam bentuk maikeroform dapat disimpan di satu tempat berasingan daripada rekod asalnya. Langkah keselamatan harus diambil memandangkan bahawa di negara ini kecelakaan dan kabinasaan kepada rekod-rekod awam sering berlaku akibat banjir, kebakaran dan sebagainya.

*Kepala Pembangunan 19—Jabatan Perpustakaan Negara (\$556,000)*

Pada tahun 1979, Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$556,000. Dari jumlah ini, sebanyak \$555,980 akan digunakan sebagai bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Johor, Kedah, Kelantan dan Trengganu, untuk membantu memperkembangkan perkhidmatan perpustakaan awam peringkat negeri. Peruntukan tanda \$10 telah dibuat bagi bangunan Perpustakaan Negara yang mana tapaknya telahpun diluluskan. Satu lagi peruntukan tanda \$10 telahpun disediakan bagi perkembangan koleksi buku-buku.

**Kepala Pembangunan 20—Jabatan Cetak Kerajaan (\$675,171)**

Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$675,171 bagi tahun 1979. Dari jumlah ini sebanyak \$450,000 adalah dikehendaki untuk meneruskan projek bangunan Bahagian Percetakan Keselamatan dan setor kertas. Bangunan ini dijangka dapat disiapkan dalam bulan Oktober, 1979.

Satu peruntukan sebanyak \$70,000 adalah dikehendaki untuk bangunan tambahan setor kertas di Cawangan Alor Setar. Bagi Cawangan Sarawak pula sejumlah \$68,938 adalah dikehendaki untuk menyiapkan bangunan Cawangan Miri. Satu peruntukan lagi sejumlah \$63,264 adalah diperlukan untuk menyediakan tapak bagi bangunan baru Pejabat di Kuching yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia ke Empat.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk mencadangkan supaya Perbelanjaan Mengurus berjumlah \$68,384,900 dan Perbelanjaan Pembangunan berjumlah \$150,444,745 bagi Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

**4.19 prg.**

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai peruntukan untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam perbincangan ini dan yang pertama saya ingin merujuk kepada Maksud P. 15 dalam muka surat 103 dalam buku Belanjawan, Butiran 31 mengenai Kemajuan Perkampungan. Tuan Pengerusi, dari buku Belanjawan untuk Kemajuan Perkampungan saya perhatikan bahawa hanya \$5 juta akan dibelanjakan pada tahun akan datang dan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga saya juga perhatikan bahawa hanya \$19 juta akan dibelanjakan untuk Kemajuan Perkampungan. Saya rasa kesal bahawa hanya

sebilangan wang yang kecil yang telah diperuntukkan untuk memajukan kampung-kampung baru di negara kita yang berjumlah lebih kurang 460 buah.

Saya ingin bertanya kepada Kerajaan macam mana jumlah yang diperuntukkan ini boleh dianggap sebagai jumlah yang cukup untuk memenuhi tujuan-tujuan dan objektif-objektif Kementerian yang berkenaan dan tujuan yang penting ini ialah bagi memastikan tercapainya mutu hidup rakyat yang tinggi dengan cara merancang dan melaksanakan program memodenkan kehidupan dan persekitaran kampung-kampung terutama kampung-kampung baru.

Saya terpaksa menyoal samada Kerajaan ada jujur terhadap perkara kemajuan perkampungan. Ingin saya bertanya samada jumlah yang diperuntukkan ada cukup untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah, tempat-tempat permainan, memperbaiki jalan-jalan dan longkang-longkang dan lain-lain kemudahan sosial di semua 460 buah kampung-kampung baru di negara kita termasuk kampung-kampung di luar bandar. Tuan Pengerusi, jawapannya adalah jelas. Jika Kerajaan sebenar-benarnya hendak melanatkan satu rancangan yang benar-benar dapat membawa faedah kepada penduduk-penduduk di seluruh kampung-kampung baru di negara kita, saya rasa adalah mustahak supaya jumlah ini dapat ditambah sekurang-kurangnya tiga kali ganda.

Pada lebih 20 tahun yang lepas sejumlah lebih kurang sejuta penduduk-penduduk yang tinggal di dalam kampung-kampung baru di negara kita telah tertinggal dari mainstream pembangunan negara dan tidak diberikan wang pembangunan yang cukup dan bermakna untuk menentukan dan memastikan bahawa langkah-langkah dapat diambil untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Selain daripada menyatakan bahawa Kerajaan ada sedar tentang masalah di kampung-kampung baru, Kerajaan nampak saya telah gagal sehingga hari ini untuk mengenakan satu Pelan Induk untuk mengurangkan dan mengatasi masalah-masalah asas yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di dalam kampung-kampung baru berkaitan dengan berjenis-jenis masalah seperti masalah kemiskinan, kekurangan

rumah-rumah kos rendah dalam kampung-kampung baru, kekurangan security of tenure dan kekurangan pembaikan infrastruktur di kampung-kampung baru yang tersebut.

Ingin saya menitikberatkan di sini bahawa hanya melalui suatu Pelan Induk dan peruntukan wang yang cukup maka terdapat satu jalan yang positif untuk memastikan tercapainya tujuan Kementerian yang berkenaan itu ialah untuk memastikan bahawa mutu hidup rakyat yang tinggi dan menjamin program memodenkan kehidupan dan persekitaran kampung-kampung baru itu dapat berjaya.

Dalam hubungan ini saya berharap Timbalan Menteri yang berkenaan akan mengambil berat pandangan saya ini dan terus memberitahu Dewan ini satu jaminan yang tegas bahawa beliau akan berusaha mendapatkan wang yang lebih serta juga merangka dan melaksanakan satu Pelan Induk untuk kemajuan perkampungan.

Perkara yang kedua yang saya ingin menyentuh di sini ialah mengenai Butiran 14 mengenai Instituit Penyelidikan Perumahan Negara. Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa penubuhan satu Instituit Penyelidikan Perumahan Negara adalah sangat penting, sangat mustahak dan sewajarnya di masa ini dan telah lama ditunggu-tunggu apabila lebih banyak penyelidikan hendak dijalankan untuk mencari langkah-langkah yang berkesan bagi menolong, membantu industri perumahan supaya menghasilkan banyak lagi rumah-rumah yang bermutu tinggi dalam jangka masa yang singkat dan dengan harga yang berpatutan di mana rakyat Malaysia dapat memilikinya

Dalam hubungan ini saya ingin menyeru Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mempercepatkan penubuhan Instituit Penyelidikan Perumahan ini. Rakyat Malaysia khasnya mereka dari golongan pertengahan dan berpendapatan rendah hari ini mengalami banyak kesukaran untuk mendapat dan memiliki sebuah rumah untuk kediaman oleh sebab kedua faktor yang mustahak.

Yang pertama, Kerajaan ataupun pihak awam tidak dapat mendirikan rumah-rumah

murah dan sederhana yang cukup untuk golongan yang berkenaan. Yang kedua, pemaju-pemaju swasta mengenakan harga yang tinggi untuk rumah swasta dan akibatnya rakyat miskin tidak dapat dan tidak mampu untuk memilikinya, lebih-lebih lagi pemaju-pemaju perumahan tidak memberi perhatian yang serius dan berat terhadap mendirikan rumah-rumah kos rendah di negara kita ini. Untuk sebuah rumah berderet satu tingkat yang didirikan oleh pemaju perumahan tidak termasuk projek usahasama (joint venture) dengan mudah sahaja harganya menjadi dalam lingkungan \$30,000 hingga \$35,000 dan untuk sebuah rumah berderet dua tingkat ia akan menjadi lebih kurang \$50,000 hingga \$60,000.

Tuan Pengerusi, dari tanda-tanda yang dapat dilihat ternyata harga-harga rumah yang didirikan oleh pemaju-pemaju perumahan tidak akan turun kerana mereka mempunyai banyak alasan-alasan untuk menyakinkan harga-harga rumah mereka adalah adil. Akhirnya siapa yang menderita? Sudah tentu golongan pertengahan dan golongan berpendapatan rendah.

Memandangkan perkara yang tersebut saya berpendapat Instituit Penyelidikan Perumahan Negara adalah penting ditubuhkan bagi mencapai matlamat-matlamat yang berikut:

- (1) Bagi menambahkan penggunaan bahan-bahan perumahan tempatan dan kurangkan penggantungan terhadap bahan yang diimport.
- (2) Bagi membantu pembina dan pemaju-pemaju rumah mengatasi masalah teknikal.
- (3) Bagi mencari jalan-jalan baru untuk menggunakan sumber-sumber dan bahan-bahan tempatan untuk pembinaan rumah dan pembangunan perumahan.
- (4) Yang lebih mustahak bagi mencari jalan-jalan menurunkan harga rumah-rumah tanpa mengurbankan kualiti atau mutu rumah-rumah yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, perkara yang ketiga saya ingin sentuh ialah mengenai Maksud B. 15

dalam muka surat 97 Aktiviti (5) mengenai Perumahan Negara atas aktiviti Pengawasan dan Penguatkuasa.

Atas perkara ini saya ingin menarik perhatian Dewan ini dan khasnya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai aktiviti-aktiviti tipu helah yang dilakukan oleh pemaju-pemaju perumahan palsu atau dalam bahasa Inggeris "bogus developers".

Salah satu tujuan bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa di dalam Kementerian Perumahan ini ialah untuk menguatkuasa peruntukan-peruntukan Akta Pemaju Perumahan (Mengawal dan Melesen) tahun 1966 dan Kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya. Di samping itu, yunit ini ada bertugas untuk menyiasat aduan-aduan yang dibuat ke atas pemaju-pemaju perumahan dan sebarang ejen perumahan yang menjadi orang tengah dalam urusan jual beli rumah.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada objektif-objektif penting yang saya sebutkan tadi, saya terpaksa bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan samada tugas ini ada dijalankan dengan berkesan oleh Kementeriannya atas kepentingan orang ramai.

Saya membuat pertanyaan ini oleh kerana dalam masa setahun yang lepas ini dan sehingga sekarang, saya nampak bahawa ramai orang-orang yang berpendapatan rendah yang amat sangat memerlukan rumah telah terjadi mangsa-mangsa aktiviti-aktiviti tipu helah yang dilakukan oleh apa yang dikatakan pemaju perumahan atau dalam bahasa Inggeris "so-called housing developers".

Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh apa yang dikatakan pemaju-pemaju perumahan merupakan begini. Yang pertamanya, mereka membuat iklan-iklan di dalam suratkhbar tempatan dan memberitahu orang ramai melalui iklan-iklan itu bahawa sesiapa yang hendak mendapat rumah-rumah murah boleh membuat pendaftaran sekarang di satu tempat yang disebut dan tempat itu ada dikeluarkan di dalam iklan di dalam suratkhbar tempatan itu. (Dengan izin, saya ingin tunjuk kepada Dewan ini satu surat tempatan dengan iklan yang dimaksudkan

oleh saya tadi). Itu ialah suratkhbar yang bernama *Watan*. Atas suratkhbar ini, saya boleh nampak satu iklan yang berbunyi: "Daftarlah sekarang untuk mendapat rumah-rumah murah. Sila daftar dengan Mutiara Biru, Tingkat 2, Wisma PKNS, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur."

Tuan Pengerusi, iklan seperti ini, pada asasnya adalah salah oleh kerana menurut undang-undang Kementerian ini, sesiapa pemaju perumahan berlesen yang hendak membuat iklan-iklan di dalam suratkhbar tempatan dikehendaki menunjukkan dalam iklan itu perkara-perkara yang berikut:

- (1) misalnya Nombor Lesen Pemaju Perumahan;
- (2) Nombor Permit Iklan;
- (3) Tenure of Land seperti freehold;
- (4) sama ada Title Individu boleh didapati;
- (5) perkara mengenai Tarikh bila sekim perumahan ini dapat siap dan samada pinjaman dapat diperolehi.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang saya sebutkan tadi mesti terkandung dalam iklan-iklan sekim perumahan yang sah itu. Tetapi dalam iklan-iklan yang ada dalam *Watan*, yang saya tujukan tadi, perkara-perkara yang mustahak itu langsung tidak disebut dan saya berasa kagum mengapa iklan-iklan seperti ini dibenarkan tanpa tindakan-tindakan tegas diambil terhadap pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, punca masalah yang saya maksudkan bukan terhad kepada iklan-iklan yang tidak betul sahaja. Apa yang lebih serius ialah syarikat, atau kompeni atau ejen mereka yang membuat iklan-iklan di dalam suratkhbar tempatan ini bukanlah Pemaju Perumahan yang sah tetapi yang palsu oleh kerana mereka belum memohon dan belum mendapat lesen untuk bergerak sebagai sebuah syarikat Pemaju Perumahan. Masalah ini pada pandangan saya dan pada pandangan orang ramai adalah amat serius dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengapakah aktiviti-aktiviti seperti ini dibenar untuk diteruskan sehingga hari ini tanpa apa-apa tindakan balasan daripada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, tadi saya telah sebut bahawa syarikat yang membuat iklan itu adalah satu syarikat yang bernama "Mutiara Biru". Saya ingin bertanya samada "Mutiara Biru" ini adalah satu kompeni atau satu Pemaju Perumahan. Sekiranya "Mutiara Biru" ini ialah satu syarikat sahaja dan bukanlah pemaju perumahan, saya ingin bertanya, siapa Pemaju Perumahan itu yang membina rumah-rumah kos rendah dan mengapa nama Pemaju Perumahan itu tidak ada disebut dalam iklan itu.

Tuan Pengerusi, sebaliknya "Mutiara Biru" itu adalah sebuah pemaju perumahan, saya ingin tahu juga, apakah nombor lesen mereka. Tetapi mengikut apa yang saya tahu, sehingga hari ini Syarikat Mutiara Biru ini pun belum mendapat lesen untuk bergerak sebagai sebuah Syarikat Pemaju Perumahan yang sah.

Tuan Pengerusi, masalah ini bukan terhad kepada "Mutiara Biru" sahaja. Pada bulan April tahun ini, saya membongkar aktiviti-aktiviti tipu helah oleh satu "so-called" pemaju perumahan yang bernama "Y.R. Development Sdn. Bhd." Syarikat itu juga ada satu pejabat di tempat yang sama, Wisma PKNS, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Apabila saya dihubungi oleh pengadu-pengadu yang mengsyaki bahawa Syarikat tersebut bukan satu syarikat perumahan yang sah, saya ada berhubung dengan Bahagian Penguatkuasa Kementerian yang berkenaan dan saya diberitahu bahawa syarikat tersebut belum memohon lesen pemaju perumahan. Sungguhpun mereka belum mendapat lesen, tetapi mereka juga ada membuat iklan dalam surat khabar tempatan berbahasa China dan Bahasa Malaysia dan juga telah menerima pembayaran apa yang dipanggil dalam bahasa Inggeris "booking fees" dari mereka yang datang ke pejabatnya selepas membaca iklan itu.

Di sini saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu laporan yang keluar dalam Watan pada hari ini di bawah tajuk "Pemaju-pemaju Tidak Ikut Syarat". Izinkan saya membaca sedikit dari laporan itu, sebab ini adalah satu hal yang penting dan ada kaitan dengan apa yang saya ucapkan sekarang. Mengikut laporan yang keluar

dalam Watan pada hari ini, satu rencana yang ditulis oleh Encik Ghazali Yahya:

"Matlamat penyusunan semula masyarakat mungkin payah tercapai disebabkan oleh hampir 50% pemaju-pemaju perumahan bergiat tanpa lesen. Watan difahamkan sekitar 1,000 pemaju haram bergiat di seluruh negara. Setakat ini kira-kira 1,500 pemaju sahaja yang mempunyai lesen. Pemaju-pemaju tanpa lesen ini bergiat lebih cergas dari pemaju-pemaju yang berlesen. Pihak Kementerian Perumahan tidak dapat membuat apa-apa tindakan terhadap kegiatan mereka sekiranya tidak ada aduan-aduan dan Kementerian pula faham bahawa tidak ramai yang tahu yang mana antara pemaju itu mempunyai lesen dan yang mana pula tidak."

Tuan Pengerusi, dari laporan ini jelaslah bahawa aktiviti-aktiviti pemaju perumahan yang tidak berlesen telah bertambah dan saya menyeru serta mendesak Kementerian yang berkenaan supaya mengambil berat tentang perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Mengenai perkara bahawa pihak Kementerian tidak dapat membuat apa-apa tindakan terhadap kegiatan pemaju-pemaju perumahan yang palsu (bogus developers) sekiranya tidak ada aduan-aduan. Sungguhpun saya bersetuju dengannya tetapi apakah tindakan yang telah diambil, saya ingin tahu oleh Kementerian yang berkenaan terhadap aduan-aduan yang ada disampaikan kepada pihak yang berkenaan. Misalnya, saya sendiri telah membawa mangsa-mangsa kegiatan tipu helah yang dilakukan oleh bogus developers untuk membuat aduan-aduan kepada Kementerian pada bulan Mei tahun ini mengenai aktiviti-aktiviti Syarikat Y.R. Development Sdn. Bhd. Saya ada membuat aduan dan laporan dengan rasminya dan saya ada membawa mangsa-mangsa bersama-sama dengan saya pergi ke Kementerian yang berkenaan membuat laporan, tetapi sehingga hari ini mengikut apa yang saya fahamkan syarikat itu masih bergerak tanpa lesen. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat menjalankan satu siasatan terhadap issue-issue ini, satu issue yang penting dan mustahak.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya saya mendapati bahawa Kementerian yang

berkenaan tidak begitu efektif untuk mencegah aktiviti-aktiviti palsu dari bogus developers seperti ini.

Di sini ingin saya merujuk kepada satu lapuran suratkhbar *The Malay Mail* bertarikh 24hb Mei tahun ini yang melapurkan Ketua Setiausaha Kementerian tersebut sebagai berkata: bahawa sungguhpun Kementerian sedar tentang masalah itu dan mengakui bahawa adalah salah untuk satu pemaju perumahan bergerak tanpa lesen. Tetapi tidak banyak yang Kementerian dapat buat di bawah Akta Pemaju Perumahan yang wujud sekarang. Itu ialah apa yang dilapurkan dalam suratkhbar *The Malay Mail* bertarikh 24hb Mei tahun ini. Beliau terus menasihatkan mereka yang telah kena tipu supaya melapurkan kepada pihak Polis oleh kerana ini ialah apa yang disifatkan oleh beliau kesalahan criminal. Saya berpendapat jawapan dan sikap ini adalah tidak memuaskan.

Saya suka bertanya mengapa kesalahan yang dilakukan oleh bogus developers tidak dapat dicegah melalui undang-undang yang ketat, mengapa hendak tunggu sehingga satu kesalahan telah dilakukan, barulah dinasihatkan mangsa-mangsa yang berkenaan pergi ke Balai Polis untuk membuat aduan (report). Saya rasa masanya telah tiba bagi Kementerian untuk bertindak lebih tegas dan berkesan atas perkara ini khususnya terhadap iklan-iklan yang tidak patut yang mengelirukan dan juga terhadap pemaju-pemaju yang palsu ini. Sekiranya masalah ini ada melibatkan Akta Pemaju Perumahan, saya ingin mencadangkan di sini bahawa Akta ini patut dipinda lagi untuk membolehkan Kementerian bertindak dengan tegas, untuk membolehkan Kementerian yang berkenaan mempunyai kuasa yang cukup untuk bertindak dengan tegasnya terhadap bogus developers ini. Ini amatlah perlu untuk kepentingan orang ramai yang terdiri daripada semua kaum. Rakyat yang berpendapatan rendah yang sangat memerlukan rumah untuk kediaman supaya mereka tidak dijadikan mangsa oleh pemaju-pemaju perumahan yang palsu ini. Itu adalah berkenaan dengan perkara pengawasan dan penguatkuasaan.

Sekarang saya ingin merujuk sedikit kepada B. 15 muka surat 92, Aktiviti (3)-Pelesenan

dan Khidmat Nasihat. Di dalam buku Anggaran Belanjawan tahun 1979, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menerangkan bahawa Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat bersetuju mentadbir dan menguatkuasakan perbekalan-perbekalan itu mengikut Akta Mengawal dan Melesen Pemaju-pemaju Perumahan tahun 1966 dan juga bersedia memberi khidmat nasihat kepada bakal-bakal pembeli rumah dan lain-lainnya.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada peranan bahagian ini yang begitu penting dan begitu mustahak ingin saya mencadangkan bahawa Kementerian patutlah memperlengkapkan Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat dengan kakitangan yang cukup, dengan Inspektor-inspektor yang cukup yang berkalibar supaya bahagian ini dapat menjalankan tugasnya dengan lebih efektif dan lebih berkesan atas kepentingan orang ramai. Ingin saya tegaskan di sini bahawa adalah tidak berguna mengadakan satu bahagian yang begitu mustahak seperti ini sekiranya ia tidak dapat memberi apa-apa kesan ataupun yang berguna. Pada masa ini Bahagian ini tidak dapat bergerak dengan berkesan oleh kerana kekurangan kakitangan yang berkalibar untuk menjalankan tugas-tugas mereka untuk memberi nasihat kepada bakal-bakal pembeli-pembeli rumah dan apa yang lebih mustahaknya ialah untuk membuat pemeriksaan di tiap-tiap sekim perumahan baru untuk menentukan samada pemaju-pemaju perumahan ada melanggar peruntukan-peruntukan Akta Pemaju Perumahan tahun 1966 atas kepentingan pembeli-pembeli rumah.

Dalam hubungan ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berapakah pegawai-pegawai penguatkuasa yang telah dilantik sehingga hari ini untuk menjalankan tugas-tugas seperti yang ditetapkan oleh Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat itu. Mengikut pengetahuan saya bahagian ini tidak mempunyai kakitangan penguatkuasa yang cukup, tetapi saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan boleh memberi satu jawapan kepada saya di dalam Dewan ini samada bahagian itu ada kakitangan yang cukup untuk menentukan bahawa tugas-tugas di

dalamnya dapat dilaksanakan dengan efektifnya.

Atas perkara yang sama saya ingin menyentuh berkaitan dengan satu daripada masalah utama yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah ialah pelanggaran kehendak-kehendak kontrak (failure to meet contractual obligation) kerap kali dilakukan oleh pemaju-pemaju perumahan selepas perjanjian-perjanjian rumah ditandatangani.

Tuan Pengerusi, meskipun terdapat pemaju-pemaju perumahan yang jujur tetapi terdapat juga pemaju perumahan yang tidak jujur dan tidak bertanggungjawab. Golongan pemaju-pemaju perumahan inilah yang memberikan pembeli-pembeli rumah layanan yang tidak adil serta juga melanggar segala peruntukan yang terkandung dalam kontrak penjualan rumah-rumah.

Akhhbar-akhhbar atau suratkhbar-suratkhbar tempatan sering kali menyiarkan surat-surat aduan dari pembeli-pembeli rumah yang menceritakan bagaimana mereka diberi layanan yang tidak adil oleh pemaju-pemaju perumahan dan mereka ada meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atau Kementerian yang berkenaan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Pembeli-pembeli rumah ini setiap kali diminta berhubung dengan peguam-peguam mereka untuk membangkitkan kes mereka di mahkamah biasa. Pada masa sekarang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mendakwa pemaju-pemaju perumahan di mahkamah biasa jika didapati pemaju-pemaju perumahan itu telah melanggar Akta Perumahan (Pelesenan, Kawalan dan Peruntukannya).

Tuan Pengerusi, perlu dinyatakan di sini bahawa jika pembeli-pembeli rumah dikehendaki mendapatkan keadilan mereka di dalam satu mahkamah biasa, ini hanya akan merupakan satu proses yang bukan sahaja sangat panjang tetapi juga melibatkan banyak wang. Adakah diketahui umum pertelingkahan perumahan akan mengambil masa yang amat panjang sebelum ianya dihakamkan di dalam sebuah mahkamah biasa dan akibatnya pembeli-pembeli rumah akan mengalami banyak kerugian. Memandangkan kepada hal ini, saya rasa

sudahlah sampai masanya bagi Kementerian dengan kerjasama Persatuan Pemaju Perumahan untuk mempercepatkan penubuhan satu panel yang dikandungi oleh wakil Kementerian yang berkenaan, wakil daripada Persatuan HDA atau Persatuan Perumahan, wakil dari Persatuan Pengguna-pengguna dan Ahli-ahli Teknik sebagai Jurutera, Akitek dan lain-lain dengan tujuan mendengar dan menghakamkan pertelingkahan-pertelingkahan perumahan di antara pemaju-pemaju dan pembeli-pembeli rumah ini.

Mengikut apa yang saya tahu Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pun ada sebut dalam suratkhbar tidak lama dahulu bahawa pihak Kerajaan di Kementerian pun ada berniat untuk menubuhkan satu panel ini dan saya berharap dengan kerjasama dari HDA, panel ini dapat ditubuhkan tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak kembali kepada perkara Perumahan Negara, saya harap bahawa Kementerian akan dan dapat menjalankan usaha-usaha yang lebih untuk memastikan tercapainya dasar Kerajaan "house-owning democracy" melalui program perumahan awam kos rendah.

Ingin saya kata di sini bahawa ucapan-ucapan daripada pemimpin-pemimpin Kerajaan mengenai konsep dan dasar Kerajaan mengenai "house-owning democracy" telah membangkitkan harapan yang tinggi dikalangan orang ramai khususnya mereka yang tidak berumah. Tetapi sebagai seorang Wakil Rakyat, saya hendak berkata dengan jujur bahawa setakat ini orang ramai khususnya golongan yang berpendapatan rendah berasas amat hampa mengenai masalah mendapatkan rumah-rumah untuk kediaman.

Konsep dan dasar Kerajaan terhadap "house-owning democracy" yang baik dan wajar adalah satu perkara, tetapi samada Kerajaan mempunyai keupayaan (capacity) untuk mencapai dasar ini ialah satu perkara yang lain. Hasilnya langsung tidak begitu banyak menggalakkan.

Menurut kapasiti yang Kerajaan mempunyai sekarang dalam bidang pembangunan perumahan khususnya pembangunan rumah kos

rendah, target atau sasaran Kerajaan terhadap pencapaian "house-owning democracy" tentulah tidak berjaya.

Saya telah beberapa kali membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini perkara penubuhan satu Lembaga Perumahan (Housing Board) untuk menggantikan Jabatan Perumahan yang ada sekarang untuk memberi haluan yang lebih dinamis dan positif terhadap pembangunan perumahan, tetapi setiap kali saya diberi tahu bahawa adalah tidak perlu dan masa belum sampai untuk menubuhkan Lembaga Perumahan itu.

Tuan Pengerusi, saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Kerajaan akan mengkaji semula syor untuk tubuhkan satu Lembaga Perumahan untuk merancang dan melaksanakan program perumahan Kerajaan untuk memastikan tercapainya dasar Kerajaan mengenai "house-owning democracy". Yang sebenarnya, saya tidak nampak apa-apa sebab yang sah Kerajaan tidak ingin menubuhkan satu Lembaga Perumahan.

Mengenai perkara dan konsep "house-owning democracy", izinkan saya merujuk sedikit kepada penjualan rumah-rumah pangsa yang dibina di bawah Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah Kerajaan.

Dalam hubungan ini, suka saya merujuk kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dalam masa soal jawab dalam Dewan ini pada 18.10.78 di mana Yang Berhormat yang berkenaan telah mengatakan bahawa setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk menjual rumah-rumah pangsa yang dibina oleh Kerajaan kepada penghuni-penghuninya.

Beliau telah memberi lima sebab mengapa Kerajaan tidak mahu menjual rumah-rumah pangsa dan di antaranya ialah Kerajaan Negeri belum lagi menyelesaikan masalah "strata title"; masalah penjagaan dari segi kebersihan, lif, tangki air akan timbul, perkara bayaran bulanan adalah lebih tinggi dari sewa, masalah kemungkinan dalam masa beberapa tahun sahaja pembeli akan bertukar tangan dan akhirnya, penjualan rumah itu juga akan menyekat mobiliti penghuni-penghuni rumah tersebut. Itu ialah sebab-sebab yang telah diberikan dalam Dewan ini

oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan untuk menjelaskan mengapa Kerajaan tidak bercadang untuk menjual rumah-rumah kos rendah kepada penghuni-penghuninya.

Biarlah saya menjawab di sini bahawa kesemua sebab-sebab yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah tidak berasas, dan merupakan alasan-alasan yang lemah dan tidak sah yang dibuat dengan tujuan melambatkan perkara penjualan rumah-rumah pangsa itu dan dalam proses ini telah menafikan gulungan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri menurut dasar Kerajaan mengenai "house-owning democracy".

Saya berpendapat bahawa semua sebab-sebab tidak ada kena-mengena oleh kerana pada tahun 1976, Dewan ini telah meluluskan satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara yang dinamakan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1976 yang membolehkan Kerajaan Negeri atau Pentadbiran Dewan Bandaraya untuk mengambil tindakan untuk memohon "strata title" bagi semua flet-flet kos rendah supaya rumah-rumah ini dapat dijual kepada penyewa-penyewa yang berpendapatan rendah mengikut konsep "house-owning democracy".

Sebelum Akta Pindaan tersebut diluluskan, Kerajaan dan Pentadbiran Dewan Bandaraya selalu memberi alasan bahawa rumah-rumah pangsa itu tidak dapat dijual kepada mereka oleh kerana kelambatan Kerajaan untuk mengambil tindakan meminda Kanun Tanah Negara berkaitan dengan perkara perbadanan pengurus atau management corporation.

Tetapi sungguhpun Pindaan itu telah diluluskan dalam Dewan ini pada tahun 1976 tetapi dengan malangnya, sehingga hari ini Skim Penjualan Rumah-rumah Kos Rendah ini belum dilaksanakan dan sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi alasan yang baru—alasan yang tidak berasas untuk menangguhkan perkara penjualan rumah-rumah pangsa.

Saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan khasnya pihak Kementerian yang berkenaan supaya tidak akan menangguhkan lagi issue ini—issue yang paling penting, issue yang ada berkaitan

dengan apa yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan mengenai dasarnya yang dinamakan "house-owning democracy."

Sekarang saya merujuk kepada Kepala B. 15, Aktiviti (6) mengenai Kerajaan Tempatan. Bahagian Kerajaan Tempatan bertugas menyusun semula penguasa-penguasa tempatan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia melalui beberapa Akta Kerajaan Tempatan yang telah diluluskan dalam Dewan ini. Dalam hubungan ini, suka saya menyentuh tentang betapa perlunya memperuntukkan subsidi-subsidi yang cukup dan besar atau substantial kepada lebih kurang 100 Majlis-majlis Daerah atau District Councils dalam bahasa Inggeris di dalam negara kita supaya penduduk di situ dapat menikmati kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial.

Tiap-tiap Majlis Daerah boleh memainkan satu peranan yang penting dalam pemberian perkhidmatan sosial kepada penduduk-penduduk dan untuk mencapai aspirasi-aspirasi dan kehendak-kehendak rakyat. Oleh yang demikian saya menyeru Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menentukan bahawa semua Majlis Daerah (District Council) akan diberi peruntukan subsidi yang cukup untuk membolehkannya melaksanakan projek-projek memberi faedah kepada rakyat atau penduduk-penduduk yang tinggal di dalam tempat-tempat yang berkenaan.

Atas perkara Kerajaan Tempatan juga, saya ingin menyentuh mengenai Akta Kawalan Sewa, 1966. Baru-baru ini Dewan yang mulia ini diberitahu bahawa Laporan Jawatankuasa bagi mengkaji Akta Kawalan Sewa 1966 itu telahpun siap dan sekarang ini di dalam kajian Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Memandangkan kepada mustahaknya Akta Kawalan Sewa ini untuk mengawal kenaikan sewa-sewa yang tidak berpatutan, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menyiapkan kajiannya dan juga dapat membuat satu keputusan mengenainya, iaitu samada Akta tersebut akan diteruskan dengan pindaan-pindaan yang sesuai.

Kami rasa bahawa Akta ini patut diteruskan untuk memberi perlindungan kepada mereka yang mudah terjadi mangsa-mangsa tuan punya rumah yang menaikkan sewa mengikut kehendaknya. Di samping ini

saya ingin mengesyorkan bahawa Kerajaan patut mengadakan satu pendaftaran sewa atau "rent registration" dalam bahasa Inggeris untuk membolehkan Kerajaan mendapat tahu tentang masalah kenaikan sewa yang tidak patut.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada Kepala B. 17, Butiran 1100 Aktiviti mengenai Pencegah Kebakaran.

Tuan Pengerusi, mengenai pencegah kebakaran, suka saya menyatakan di sini bahawa Perkhidmatan Bomba di Bandaraya Kuala Lumpur jika dibandingkan dengan perkhidmatan Bomba yang ada di lain-lain negara dalam rantau ini adalah baik. Namun begitu saya rasa langkah-langkah patut diambil dari masa ke semasa untuk memperbaiki lagi Perkhidmatan Bomba khususnya perkhidmatan yang dikehendaki melawan dan memadamkan kebakaran yang terkena kepada bangunan tinggi atau bertingkat-tingkat di Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi, kebakaran di Kompleks Campbell merupakan satu pengajaran "an important lesson to be learned", merupakan satu pengajaran yang penting kepada Kerajaan khususnya kepada Jabatan Bomba. Di sini ingin saya melafazkan harapan saya bahawa laporan penyiasatan mengenai kebakaran Campbell ini dapat diumumkan selepas laporan ini telah diteliti oleh Jumaah Menteri atau Cabinet. Dalam peristiwa Kompleks Campbell suatu kebakaran yang sudah dikatakan sudah dipadamkan telah merebak semula dan seterusnya memusnahkan satu bangunan yang berharga berjuta-juta ringgit. Saya bukan hendak menyalahkan sesiapa mengenai hal ini, tetapi saya rasa bahawa laporan itu adalah penting dan laporan ini boleh merupakan satu ajaran yang penting terhadap pencegah kebakaran. Oleh sebab-sebab yang demikian Kerajaan harus mengambil perhatian berat ke atas peristiwa itu dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya bukan sahaja peristiwa seperti itu dapat dicegah dari berlaku lagi, malahan tindakan itu harus termasuk langkah-langkah membeli alat-alat yang sesuai dan mencukupi dan seterusnya diadakan ahli-ahli bomba yang cukup dan terlatih untuk melawan dan memadamkan sebarang kebakaran yang mungkin berlaku kelak.

Di samping itu, Kerajaan haruslah yang pertama mengadakan undang-undang yang khusus mengenai pencegahan kebakaran. Yang kedua, sistem pancur kering automatik dan sistem pancur basah automatik bagi semua peringkat di satu bangunan patut diadakan. Yang ketiga, dan itu saya rasa adalah penting, iaitu mengadakan kawasan pendaratan helikopter. Syor ini adalah penting dan saya berharap Kerajaan akan mewajibkan supaya "helipads" diadakan di tiap-tiap bangunan bertingkat-tingkat untuk tujuan melawan kebakaran yang mungkin berlaku di dalam bangunan itu. Dan yang keempat, isyarat kebakaran automatik di antara bangunan-bangunan dengan balai-balai bomba. Itu saya rasa pun telah diadakan.

Atas perkara balai bomba itu juga di sini saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk melafaskan harapan saya bahawa pertikaian di antara pekerja-pekerja balai bomba dengan pihak Kerajaan dapat diatasi dengan secepatnya, oleh sebab saya rasa bahawa pekerja-pekerja balai bomba pun telah menuntut mengenai gaji yang lebih baik dan keadaan pekerjaan yang lebih baik. Oleh sebab perkara-perkara ini adalah yang sah, saya harap supaya pihak Kerajaan dapat meneliti semua rayuan-rayuan yang disampaikan oleh pekerja-pekerja balai bomba dan akhirnya satu penyelesaian dapat dicapai di antara pihak Kerajaan dengan Persatuan Pekerja-pekerja Bomba.

Akhirnya, mengenai balai bomba dan bangunan, saya ingin menggunakan kesempatan ini juga untuk merayu kepada Kementerian yang berkenaan untuk menimbang mengadakan satu balai bomba di satu kampung baru yang dinamakan Kampung Baru Seri Perkembangan oleh sebab saya rasa bahawa penduduk di situ adalah ramai dan masanya sudah tiba bagi Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan menimbang untuk mengadakan satu balai bomba di situ untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kampung baru itu.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat dari Kangar.

5.07 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada B. 15,

muka surat 97 Butiran 1100 Aktiviti (2) Perancangan dan Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, mengenai Perancangan dan Kemajuan Perkampungan saya berpendapat patutlah Kementerian yang berkenaan, mengubah sikapnya sedikit kerana kalau tidak silap saya, saya dapat faham dan setahu saya perkampungan ini dikhaskan selain daripada Bumiputra bantuan dan segala aktiviti yang dibagi oleh Kerajaan amat memuaskan. Dengan sebab itu saya berpendapat sudah sampailah masanya perkampungan ini janganlah semata-mata diadakan perkampungan khasnya bagi bukan Bumiputra, patut untuk Bumiputra juga diadakan rancangan perkampungan kerana kebanyakannya juga daripada Bumiputra yang boleh disatukan, ditempatkan dan diadakan perkampungan dan diadakan berbagai-bagai kemajuan di tempat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, di samping itu saya berharap dalam B. 15 ini juga berkenaan dengan perumahan. Perumahan ini amat sangat dicakapkan oleh tiap-tiap orang termasuk Wakil-wakil Rakyat yang ada dalam Dewan ini juga kerana benda ini selalu berlaku kepada pemaju-pemaju perumahan—minta maaf saya kalaulah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini pula biasa disebut dan selalu disebut.

Kita sebagai manusia kalau benda itu tak beres dan tak selesai, pada pendapat kita, patut disebut walaupun 10 kali atau 100 kali selagi tak selesai terpaksa disebut. Kalau apa yang kita kata itu tak betul, perkara itu terpaksa kita berhenti. Perkara yang saya kata ini bukanlah dimaksudkan kepada Timbalan Menteri berkenaan, tetapi kadang-kadang jawapan Kerajaan, bila kita sebut kerap kali dia kata disebut pula. Mengapa pula kita tak sebut, kerana benda ini berlaku dan sedang berlaku. Jadi terpaksa disebut.

Tentang perumahan di negara ini, saya amat dukacita pertama sekali tentang pemaju perumahan didapati di negeri saya sendiri (Perlis) kita mengucapkan terima kasih kepada pemaju perumahan yang mengadakan rancangan perumahan. Dengan sebab itu pihak pembeli rumah telah memberikan wang

pendahuluan yang agak saya sudah tiga-empat tahun sampai hari ini, perumahan itu tak siap. Yang mendukacitakan Tuan Pengerusi, ada di antara yang betul-betul berniat hendak duduk di rumah yang berkenaan tetapi kita tak nafi ada juga di antaranya rumah itu akan disewakan kepada orang lain. Perkara ini saya akan sentuh kemudian.

Tetapi soal pertama tadi ada di antaranya betul-betul berniat hendak duduk di rumah berkenaan tetapi amat malang sesudah wang pendahuluan diberi kepada pemaju perumahan dan dihantar surat kepada Menteri berkenaan, tak berjawab dan rumah tak siap. Malangnya wang diambil daripada bank, kepada bank sudah dibayar rumah tak ada, rumah pula kena sewa. Sudah dua kali kena sewa, sewa pertama di tempat yang dia duduk sekarang, sewa yang kedua bagi duit pendahuluan rumah, tetapi rumah tak siap, pemaju perumahan kadang-kadang sudah lari. Diharap Kementerian berkenaan tolong ambil perhatian.

Kedua, walaupun selalu disebut kerana benda ini berlaku, rumah yang berharga murah itu kata Menteri ada yang \$12,000 tetapi saya berpendapat rumah yang berharga murah itu patut diutamakan. Kalau seseorang pemaju perumahan, syarat pertama mestilah diadakan iaitu hendaklah mengutamakan membuat rumah murah dahulu kerana setahu saya sungguhpun saya bukan seorang pemborong tetapi mengikut kata pemborong, amat senang membuat rumah harga mahal iaitu \$50 ribu, \$60 ribu atau \$100 ribu ke atas kerana alat-alatnya tahan lama dan payah jahanam tetapi kalau rumah harga murah misalnya rumah kayu kalau lambat dibuat jadi mudah luntur dan sebagainya. Sebab itu dari segi pemborong bangunan, dia lebih suka membuat rumah harga mahal, mudah dapat untung dan payah jahanam. Dengan sebab itu banyak yang suka buat perumahan harga mahal.

Ketiga, saya berpendapat ini adalah nyata kerana kita hendak buat rumah bagi orang yang tak ada rumah, yang ada rumah pun kita bagi kalau kita ada rumah banyak, tetapi patut kita utamakan kepada yang tak berumah dahulu. Hal ini kerap kali berlaku di banyak tempat. Rumah yang dibuat dimiliki

dan dibeli oleh orang yang sudah ada rumah, maklumlah pemaju perumahan dia tak kira asalkan dia dapat untung siapa beli dia tetap bagi, syaratnya bagi wang pendahuluan tetapi kadang-kadang dibuat pun tak siap. Ini syarat pertama maklumlah pemaju itu hendak ambil untung. Ini kita tak nafi kalau orang yang bagi itu orang yang ada wang, walaupun dia ada rumah tetapi dia ada wang diterima oleh pemaju perumahan dan rumah itu dibeli dengan niat hendak disewakan. Ini kerap kali berlaku. Hendak dibeli orang-orang yang berpendapatan rendah tadi macammana kata Timbalan Menteri, kebanyakannya tak ada wang. Jadi saya harap di samping kita buat rumah mahal tetapi kita utamakan rumah murah kalau boleh. Macam hari ini saya amat dukacita Tuan Pengerusi, kalau satu-satu pemaju perumahan, rumah yang dibuat oleh Kerajaan di mana negeri sekali pun rumah 30 yunit, pemohon tak kurang dari beratus-ratus orang. Izinkan saya bercakap terus terang. Kadang-kadang kita tak berani hendak buka permohonan itu sebelum daripada pilihanraya kerana kita takut bagi yang ini salah, bagi yang itu salah. Ini kenyataan sedia kala berlaku, dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian berkenaan adakanlah rumah yang paling banyak dengan harga yang murah walaupun leceh sedikit asalkan benda itu dikehendaki oleh ramai, terpaksa kita buat begitu mengikut keadaan.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat juga kerana zaman kita telah maju, tanah sekarang dijual dengan kiraan kaki persegi, walaupun di Perlis masih dikira ekar/relong lagi tetapi kalau dalam bandar di kira kaki juga kerana tanah terlampau mahal. Kita sama-sama tahu, saya taklah begitu pandai tetapi pernah dengar orang bijak-pandai membuat perangkaan. Dan ini saya tak nafi macam di negeri Perlis seluas 316 batu persegi, sejak beratus tahun dahulu sampai hari ini keluasan tanah tidak bertambah. Tetapi syukur rakyat negeri Perlis seperti penduduk negeri lain juga tetap beranak dan bercucu dan sebagainya. Penduduknya sudah meningkat berkali ganda, sejak umur hidup saya pun jumlah rakyat beratus ribu, tetapi banci semasa pilihanraya pertama dahulu tak sampai angka ratusan tetapi hari ini sudah beratus ribu. Dan kalau tak silap saya jumlah manusia dalam 25 tahun sekali ganda banyaknya, kalau hari ini kita katakan 100 ribu, 25 tahun lagi akan jadi

200 ribu, sedangkan tanah tak bertambah, dan boleh jadi kurang lagi kalau tanah dikikis laut dan sebagainya. Maka saya berpendapat sudah sampai hari ini kita banyakkkan pembinaan rumah dan utamakan yang macam rumah pangsa dan sebagainya. Kerana mengikut keadaan tanah kita tak cukup, kalau buat rumah berderet mungkin kita akan kekurangan tanah. Jadi patut kita rancangkan sekarang ini cara perumahan yang dapat diduduki dan tak kerugian tanah.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada B. 16 berkenaan dengan Bahagian Perancang Luarbandar, Bahagian Perancang Kawasan Bandar dan sebagainya. Saya berpendapat Bahagian ini patutlah ada beberapa planning yang tetap dan mestilah diikuti oleh beberapa pihak yang berkenaan. Kerana kalaulah kita tidak ada planning, kita dapati kadangkadangkang dalam bandar dibangunkan bangunan-bangunan yang tidak begitu teratur dan amat menyedihkan. Tuan Pengerusi, kadangkadangkang dalam bandar itu boleh dikatakan kebersihannya tidak begitu terjamin. Jadi saya berharap sangat kepada pihak yang berkenaan dalam merancangkan sesuatu perkara itu biarlah tersusun supaya jangan air begitu bertakung di sana sini dalam bandar. Jadi dalam bandar kita amat dukacita boleh dikatakan tidak terjamin, bandar manapun sama sahaja, bila hujan lebat turun berlaku banjir di bandar. Pendek kata padang permainan pun kerap kali berlaku banjir kerana pada pendapat saya tidak ada planning yang tersusun, kita buat bangunan di sana sini dalam bandar kita tak fikirkan bila datang air hujan oleh sebab halangan bangunan dan tembok-tembok, air tak boleh lalu. Sebab itu dalam bandar baik Kangar atau di manapun bandar, mudah berlaku banjir, bukan semata-mata kerana tempat itu rendah tetapi kerana keadaan tidak tersusun walaupun di mana. Jadi banjir kalau air tidak boleh lalu, bila datang hujan sudah tetap banjir. Salah satu sebabnya kerana tidak tersusun, kita buat planning dalam bandar dan sebagainya. Saya berharap dalam perkara bandar ini patutlah ada satu planning yang khas ataupun pegawai-pegawai khas.

Kedua, begitu juga dalam Bahagian Perancang Luarbandar ataupun Perancang Desa. Saya berpendapat dan saya mencadangkan di luarbandar juga patut diadakan

pegawai-pegawai khas untuk memajukan luarbandar dan jika boleh kita tubuhkan satu jawatankuasa khas untuk memajukan luarbandar dengan mengadakan berbagai rancangan yang membawa faedah kepada rakyat baik di segi tanaman, keamanan, kemajuan dan lain-lain dan kalau perlu saya berpendapat kita adakan beberapa hadiah cenderamata untuk pertandingan antara satu kawasan dengan kawasan lain untuk memajukan kampung di segenap segi.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi dari segi B. 15 patut diadakan Bahagian Penguatkuasa kepada setiap negeri untuk menjaga pemaju perumahan kerana kita berpendapat hari ini kebanyakan pemaju perumahan dan perumahan yang dibina oleh Kerajaan amatlah pesat. Dengan itu patutlah diadakan penguatkuasa bagi tiap-tiap negeri.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan B. 17, Perkhidmatan Bomba. Saya berpendapat kebakaran kerap kali berlaku dan kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan khususnya Perkhidmatan Bomba yang mengambil daya usaha yang sungguh-sungguh untuk mencegah kebakaran. Tetapi sepatutnya tiap-tiap bangunan yang diadakan oleh Kerajaan diadakan alat kelengkapan mencegah kebakaran di tiap-tiap bangunan dan industri dan diberi latihan yang cukup kepada penjaga-penjaga yang berkenaan. Saya dapat tahu kebanyakan bangunan termasuk kilang ada mempunyai satu alat pemadam api yang disyaratkan oleh Majlis Bandaran. Di tiap-tiap tempat ada alat pemadam api terletak di merata-rata tempat di bangunan atau industri itu. Tetapi malangnya, kalau ditanya samada tahu atau tidak menggunakan alat pemadam api itu kalau terbakar, dia kata tak tahu. Saya agak ramai orang yang tak tahu. Cuma syarat kena beli, dia beli dan diletakkan di situ. Bila ada kebakaran, dia pun tak tahu, tiba-tiba alat-alat itu terbakar sama. Saya berharap tiap-tiap bangunan yang hendak diadakan samada kecil atau besar, kilang dan sebagainya, patut diadakan alat-alat yang lengkap, bukan sahaja diadakan tetapi diberi latihan kepada orang-orang yang akan menjaga alat ini. Juga saya berpendapat tiap-tiap bangunan atau industri patutlah diadakan alat-alat pemadam api ini supaya kita jangan semata-mata menunggu kereta

bomba, kadang-kadang api bukan boleh tunggu kita.

Apa yang saya tengok hari ini, kita tidak marah kepada balai bomba dengan loceng dan pergi serta-merta setakat mana yang boleh, kalau diberitahu tetapi kebakaran bukan menunggu, tidak sampai setengah jam, habis. Jadi dengan alat tadi amatlah perlu, kereta bomba yang datang hanya untuk menyelamatkan bangunan-bangunan yang berhampiran, yang sudah terbakar tak boleh diselamatkan. Dengan sebab itu, saya berpendapat patut diadakan alat-alat pemadam api tadi.

Di samping itu, muka surat 110, Butiran 2300 mengenai perhubungan untuk mencegah kebakaran, saya bersetuju sangat. Kadang-kadang orang-orang kampung tak tahu cara hendak menyampai ke Balai Bomba di tempat masing-masing. Cara perhubungan untuk memberitahu kepada orang ramai amatlah mustahak. Misalnya Balai Bomba di Kangar, saya sendiri pun tak tahu. Patut sangat diberitahu kepada umum jika berlaku satu-satu kebakaran, ini nombor taliponnya dan talipon itu sentiasa boleh digunakan, jangan ada orang lain yang bercakap menggunakan talipon itu. Kalau boleh adakan dua atau tiga talipon, biar ada satu-satu kebakaran Balai Bomba boleh dihubungi dengan serta-merta. Itu pada pendapat saya patut diberitahu kepada umum. Kadang-kadang perkara ini tidak diketahui oleh umum.

Berkenaan dengan P. 17, saya suka mencadangkan, memandangkan negeri Perlis ini kecil tetapi bangunannya pesat membangun pada hari ini dengan adanya berbagai-bagai kilang dan sebagainya, supaya ditambah sebuah lagi balai bomba di Perlis, mengikut keadaan tempat terutamanya disebelah utara dan juga kereta-kereta hendaklah disesuaikan. Saya juga berpendapat kebakaran ini berlaku mengikut keadaan dan untuk menyesuaikan tempat-tempat dengan kenderaan, iaitu musim mana yang patut dibanyakkan dan musim mana yang patut disedikitkan. Ini patut dikaji oleh Kementerian yang berkenaan.

Seperti yang saya katakan tadi di Perlis, selalunya berlaku kebakaran adalah di kebun-kebun kecil kerana pada masa itu

puntung rokok senang membawa kebakaran. Tetapi di bandar-bandar seperti di Kuala Lumpur ini jarang-jarang berlaku, kadang-kadang dengan sebab elektrik dan keadaannya tak sama. Saya berharap kepada Kementerian berkenaan supaya menyesuaikan tempat sebagaimana saya katakan tadi, seperti di Perlis patut diutamakan kereta bomba, begitu juga dengan alat kebakaran lebih sedikit dari musim-musim lain, kalaulah musim itu musim timur yang paling kering. Musim lainpun biasa tetapi tidak begitu sangat. Yang kami takut boleh dikatakan pada tiap-tiap hari berlaku kebakaran bahkan pada musim kemarau panjang kebakaran mudah berlaku. Saya berharap kepada Kementerian kalau boleh bekalkan di Perlis dua atau tiga kereta bomba. Kalau musim hujan tak berapa sangat. Apa yang telah berlaku pada tiap-tiap tahun di Perlis dan saya yakin di tempat-tempat lain pun semacam, lebih-lebih lagi di tempat-tempat yang ada kebun-kebun kecil selalu berisiko seperti ini.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali B. 21 berkenaan Jabatan Pertahanan Awam. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli pertahanan awam yang saya rasa mereka memainkan peranan secara sukarela dan kadang-kadang diancam nyawa mereka sendiri untuk membuat kebajikan di kala berlaku banjir dan kebakaran. Dengan sebab itu, saya berpendapat patutlah diubah corak latihan ahli-ahli pertahanan awam dengan memberi kemudahan-kemudahan yang lebih seperti elau dan pakaian diberi agak ditambah sedikit. Saya ucapkan terima kasih kepada mereka ini kerana saya dapati bila berlaku banjir khususnya di Perlis ahli-ahli inilah yang mengambil bahagian yang aktif. Bila berlaku kebakaran, kita jarang tengok, kerana kita tak sempat tengok, tetapi kalau banjir ahli-ahli pertahanan awam yang mengambil bahagian yang aktif dengan tidak kira basah kuyup, tidak menjadi masalah kepada mereka, kadang-kadang scalan yang lebih teruk mereka sanggup menghadapi. Dengan sebab itu, saya berpendapat patut diberi latihan yang cukup dan juga diberi elau tuntutan batu mengikut keadaan zaman.

Kalau gaji di Jabatan-jabatan lain telah dinaikkan maka Jabatan Pertahanan Awam

patutlah dikaji semula, apatah lagi mereka ini sanggup berkhidmat di masa kecemasan, masa itulah mereka diperlukan. Pada masa orang tengah susah mereka sanggup menolong, itulah perkhidmatan yang paling dikehendaki oleh tiap-tiap negara atau tiap-tiap masyarakat. Dengan ini saya menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian yang berkenaan.

5.28 *ptg.*

**Tuan V. David (Damansara):** Tuan Pengerusi, saya suka menambah satu dua perkara mengenai pandangan rakan saya Ahli dari Kuala Lumpur Bandar yang telah berucap mengenai Maksud B. 15—Perumahan Negara (National Housing).

Baru sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu Dewan ini bahawa daripada tahun 1974 hingga sekarang 1978 dalam Wilayah Persekutuan Kementerian Perumahan dan Wilayah Persekutuan ataupun Bandaraya Kuala Lumpur, ada membina sebanyak 3,542 buah rumah. Pada hari itu Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan memberitahu Dewan, permohonan dalam Wilayah Persekutuan hingga sekarang ada lebih dari 13,000 yang mendaftarkan diri dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Nampaknya apa Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini tidak sampai 50% rumah-rumah didirikan berbanding dengan pemohon yang mendaftar nama bagi 3,542 buah rumah yang dibina. Saya minta Kerajaan supaya janganlah membina hanya 300 atau 500 buah rumah sahaja sebab tiap-tiap kali permohonan dibuka kadang-kadang 5,000 atau 10,000 yang memohon tetapi rumah hanya 300 atau 500 buah sahaja. Ini tidak boleh dikatakan bahawa Kerajaan bertindak segera atau rajin melayan permohonan rakyat yang mahukan rumah dalam Wilayah Persekutuan. Di Wilayah Persekutuan Kerajaan haruslah mendirikan hampir 100,000 buah rumah kos rendah. Kami cadangkan Kerajaan mengadakan rancangan kilat (crash programme). Ini bukan bermakna untuk tiga atau lima tahun akan datang tetapi untuk tahun 1979. Kalau Kerajaan boleh mengambil tindakan segera membina sebanyak 50,000 atau 100,000 buah rumah

kos rendah barangkali rakyat miskin bolehlah dapat tempat duduk kerana harga rumah adalah mahal di bandar Kuala Lumpur. Ini bukanlah satu perkara baharu, setiap kali pihak parti Pembangkang membawa soal ini kepada Kerajaan, tetapi walaupun ada Kementerian Perumahan, dalam masa empat tahun ini Kerajaan tidak dapat menyampaikan 50% pembinaan rumah untuk pemohon-pemohon yang mendaftarkan nama untuk mendapatkan rumah.

Lagi satu perkara berkenaan dengan definisi rumah murah atau rumah kos rendah. Rumah murah mengikut Rancangan Malaysia Ketiga, harganya tidak boleh lebih daripada \$7,000 iaitu \$5,000, \$6,000 atau \$7,000. Tetapi harga rumah murah sekarang dalam Kuala Lumpur ataupun Wilayah Persekutuan, orang miskin kalau hendak membeli rumah mestilah ada wang di tangan lebih kurang \$20,000 atau \$25,000. Ini kita tidak boleh katakan rumah harga murah ataupun orang miskin boleh menduduki rumah-rumah tersebut.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga rakyat ada diberi informasi tentang "Masyarakat Adil". Masyarakat adil itu hanya untuk orang kaya sahaja bukan untuk orang miskin. Kalau dikatakan masyarakat adil, orang-orang miskin yang bekerja di dalam bandar Kuala Lumpur ini atau di Wilayah Persekutuan ini boleh tinggal di rumahnya sendiri. Tadi rakan saya telah berkata, dengan izin Tuan Pengerusi iaitu house-owning democracy, Kerajaan mestilah buat rancangan kilat untuk membina rumah murah tidak kurang daripada 100,000 buah dalam tahun 1979 iaitu mulai bulan Januari tahun hadapan. Dalam Belanjawan ini ada diberitahu bagaimana Kerajaan membelanjakan wang rakyat tetapi tidak diberitahu macammana Kerajaan boleh memberi rumah kepada semua rakyat di Kuala Lumpur. Population di Kuala Lumpur pada tahun 1950, 1961 ialah 400,000 tetapi sekarang ini lebih daripada satu juta, ini disebabkan floating population, orang-orang mencari pekerjaan di dalam bandar, mencari rumah serta tinggal di Kuala Lumpur. Saya merayu kepada Kerajaan tolonglah buat satu

rancangan kilat (crash programme) kalau kita betul-betul hendak memberi rumah kepada rakyat di Kuala Lumpur.

Di dalam bandaraya Kuala Lumpur selalunya orang-orang luar datang ke sini dan kita ada menunjukkan macammana bandar Kuala Lumpur dengan Taman Bunganya tetapi di kawasan Kuala Lumpur juga terdapat rumah haram. Saya tidak mengatakan Kerajaan mestilah memberi semua orang rumah baharu tetapi rumah haram yang ada itu pun sampai sekarang tidak ada api, air dan tandas. Bila kita kata tidak ada tandas orang tidak percaya. Contohnya saya boleh beri iaitu Kampung Pantai, Kampung Haji Abdullah Hukum, Kampung Limau, Kampung Padang, Kampung Pantai Halt, Kampung Segambut Tengah, Kampung Sireh, Kampung Masjid, semuanya itu dalam bandar. Kampung Pantai, Kampung Haji Abdullah Hukum, Kampung Limau, Kampung Pantai Halt daripada Pusat Lembaga Letrik Negara tidak sampai setengah batu.

**Tuan Pengerusi:** Ini Yang Berhormat bercakap di bawah tajuk mana?

**Tuan V. David:** Ini perkara perumahan.

**Tuan Pengerusi:** Yalah perumahan—Aktiviti berapa?

**Tuan V. David:** Ini berhubung dengan Perumahan Negara di bawah Maksud B. 15.

**Tuan Pengerusi:** Aktiviti berapa?

**Tuan V. David:** Di bawah Perumahan Negara.

**Tuan Pengerusi:** Perumahan Negara. Baiklah, teruskan.

**Tuan V. David:** Kerajaan mestilah bukan sahaja memberi rumah tetapi juga memberi infrastruktur ataupun benda-benda yang mustahak kepada manusia seperti air, api dan tandas. Kalau kita tidak boleh beri ini janganlah kita kata kita ada mempunyai bandar yang bersih dan kita ada memberi rumah-rumah yang cantik kepada rakyat di Kuala Lumpur.

Rumah Pangsa didirikan di Bukit Bangsar iaitu Rumah Pangsa Sri Pahang sampai hari ini tidak ada rumah mayat. Kalau ada orang meninggal dunia dan saudara-maranya hendak menziarahinya, tidak ada tempat. Perkara seperti ini sangat mustahak iaitu apabila Kerajaan membuat rumah hendaklah disediakan infrastrukturnya. Di mana-mana tanah haram yang ada rumah, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan mengadakan infrastruktur seperti api, air dan tandas. Berkenaan dengan Bomba pula. Tadi seorang Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional telah bercakap berkenaan dengan kebakaran, sampai sekarang tidak ada contoh mana-mana kebakaran Kerajaan ada menyiasat atau mengambil tindakan ke atas sesiapa yang melakukan kebakaran itu atau samada disebabkan kerosakan letrikkah atau sebagainya. Perkara seperti ini sampai sekarang tidak ada contoh yang Kerajaan ada membuat penyiasatan.

Kebakaran Kompleks Campbell adalah satu perkara yang besar yang selalu disoalkan bukan sahaja daripada parti Pembangkang tetapi juga Ahli-ahli Parti Kerajaan pun merasa tidak puas hati atas sebab-sebab kebakaran itu. Orang-orang yang melihat kebakaran itu mengatakan kita tidak ada satu technical object bagaimana pihak bomba boleh pergi ke tingkat yang atas sekali. Pihak Bomba tidak dapat naik ke tingkat yang berlaku kebakaran itu. Latihan yang cukup kepada ahli-ahli Bomba kita hendaklah diberikan. Efficiency adalah mustahak. Dalam masyarakat moden sekarang kita nampak berbagai-bagai bangunan, tidak seperti 10 atau 20 tahun dahulu tidak ada bangunan-bangunan besar seperti hari ini dan kalau tidak dapat mencari teknik moden barangkali ahli-ahli Bomba kita tidak boleh segera memadamkan mana-mana kebakaran.

Pada 9hb November yang lalu di Daerah Segambut Tengah 6 buah rumah telah terbakar. Kereta bomba tidak dapat mencari tempat itu tetapi telah pergi ke tempat lain satu dua batu terlangsung ke atas kemudian berpatah balik dan belum sempat sampai, 6 buah rumah itu telah hangus terbakar. Dalam latihan ahli-ahli Bomba itu hendaklah diberikan pelajaran mengenai plan dalam bandar, daerah dan tiap-tiap kawasan. Kita

pun tidak percaya perkara seperti ini boleh berlaku.

Saya minta Kerajaan memberi gaji yang cukup dan gaji yang penuh kepada pekerja tetapi beri arahan dan latihan yang penuh supaya bila berlaku kebakaran, bolehlah pekerja itu menjaga nyawa dan harta-bendanya.

Lagi satu perkara yang mustahak ialah Campbell Shopping Complex. Jawatankuasa yang menyiasat kebakaran itu dilantik daripada Kementerian, tetapi laporan itu kita tidak nampak. Kalau Kerajaan boleh beri laporan itu kepada Dewan ini dan boleh beri salinan supaya Ahli-ahli Dewan Rakyat boleh membacanya, ataupun apa yang terdapat dalam siasatan itu, boleh diterangkan dalam Dewan ini.

Sekarang kita tidak ada pilihanraya lagi kepada Majlis Tempatan. Tiap-tiap Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan.....

**Tuan Pengerusi:** Maksud B. berapa ini? Ahli Yang Berhormat tolong sebutkan Maksud B. berapa, Butiran berapa, Aktiviti yang ke berapa supaya senang saya di sini sebagai Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri dapat merujuk. Apa masalahnya?

**Tuan V. David:** Maksud P. 15, muka surat 103 daripada Majlis Bandaraya, George Town, Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Ipoh.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang Yang Berhormat hendak bercakap mengenai Butiran berapa?

**Tuan V. David:** Butiran yang saya hendak sentuh ialah mengenai prinsipnya. Tidak ada pilihanraya, Kerajaan melantik ahli-ahli dan penasihat di Bandaraya ataupun Majlis Tempatan. Di Kampung Baru Pandamaran di Port Klang dan Kampung Baru Sungei Way, saya sendiri nampaknya iaitu parit ataupun longkang yang airnya tidak boleh jalan—tertahan, sebab Majlis Perbandaran Kelang tidak mengambil tindakan. Bila ada komplek, tidak ada sambutan dari Majlis Bandaraya Kelang ataupun tidak ada response. Saya minta Kerajaan.....

**Tuan Pengerusi:** Mana ada Bandaraya Kelang?

**Tuan V. David:** Bandaraya Kelang tidak ada di sini.

**Tuan Pengerusi:** Kalau tidak ada, buat apa hendak bangkitkan?

**Tuan V. David:** Tetapi ini prinsipnya.

**Tuan Pengerusi:** Prinsip tidak boleh. Cuba duduk sebentar! Butiran 35—Majlis Bandaraya, George Town, Pulau Pinang hendak minta \$1,300,000 untuk tahun 1979 bagi perbelanjaan tambahan kepada Saluran Najis George Town. Ini tidak boleh dibangkitkan mengenai Majlis Perbandaran Kelang!

**Tuan V. David:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sebab itu saya kata Butiran itu mustahak. Perkara mengenai dasar sudah habis.

**Tuan V. David:** B. 15 di muka surat 97, Aktiviti (6)—Kerajaan Tempatan.

**Tuan Pengerusi:** Muka surat 103 tadi?

**Tuan V. David:** Muka surat 97.

**Tuan Pengerusi:** Muka surat 97; ini lain!

**Tuan V. David:** Emoluments. Ini adalah Aktiviti Kerajaan Tempatan, Majlis Tempatan.

**Tuan Pengerusi:** Butiran Gaji dan Upahan?

**Tuan V. David:** Ya, Emoluments.

**Tuan Pengerusi:** Tetapi Aktiviti ke berapa?

**Tuan V. David:** Aktiviti (6)—Kerajaan Tempatan (Local Government), perbelanjaan sebanyak \$367,500. Di bawah prinsip ini, saya boleh sentuh mengenai Majlis Tempatan dan Majlis Bandaraya.

Tuan Pengerusi, saya minta Kerajaan melaksanakan Laporan Datuk Athi Nahappan dahulu. Laporan itu ada rekomen bahawa Kerajaan Tempatan ataupun Majlis Bandaraya di tiap-tiap kawasan, tiap-tiap bandar, mestilah mengadakan pilihanraya, tetapi Kerajaan tidak menerima Laporan itu. Sekarang ada dilantik iaitu tiap-tiap orang yang jadi ahli dilantik menjadi Penasihat Kerajaan Tempatan, Majlis Tempatan

ataupun Bandaraya. Kita nampak efficiency dalam Majlis Tempatan sudah berkurangan. Saya tidak membangkang peruntukan itu, tetapi saya mahu peruntukan itu ditambah, sebab ianya tidak cukup. Kerajaan boleh minta dari Treasury, tambah lebih wang itu tetapi kenalah jaga seperti parit, longkang, tandas, perkhidmatan (services) dalam tiap-tiap Kawasan Bandaraya dan Majlis Tempatan. Ini yang mustahak, sebab ramai orang miskin yang duduk di kawasan-kawasan Majlis Tempatan seperti kampung baru. Kampung baru dalam negara kita ini ada lebih kurang 100. Kalau Kerajaan mahu menjaga hal ini, wang mestilah ditambah, kerana peruntukan yang ada dalam muka surat 97 sebanyak \$367,500 itu tidak mencukupi. Pekerja-pekerja hendaklah rajin kerana menjaga penduduk dalam kawasan itu.

5.50 ptg.

**Dr. Tan Tjong Hong (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya bangun membahaskan peruntukan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, pengumuman dari Pengarah Biro Siasatan Negara untuk mengadakan satu unit supaya dapat menyasat rasuah di dalam perindustrian perumahan adalah baik.

Perbahasan saya berkenaan dengan hal ini di bawah B. 15, muka surat 97, Butiran 1100, Aktiviti (4) Bahagian Penyelarasan Pembangunan Aktiviti Jabatan-jabatan di bawah Kementerian, dan juga Aktiviti (5) Perumahan Negara (National Housing).

Tuan Pengerusi, tadi kita dengar Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan-pandangan berkenaan dengan masalah rasuah di dalam bidang perumahan. Ini bukanlah bermakna bahawa semua industri perumahan terlibat di dalam rasuah tetapi macam lain industri sedikit black sheep sudah memberi nama busuk kepada industri yang terlibat.

Ada projek perumahan yang sudah siap dibina beberapa tahun yang lalu tidak dapat dikeluarkan hak milik kepada si pembeli dan akibatnya menimbulkan rasa keciwa. Satu contoh ialah di Jalan Ipoh projek perumahan Taman Rainbow.

Saya telah dapat bukti dari Persatuan Perumahan di Taman Rainbow yang dua tiga tahun dahulu sampai hari ini mereka ada beberapa mesyuarat dengan pihak developers dan juga pihak Kementerian tetapi sampai hari ini belum dapat diselesaikan masalah mengeluarkan hak milik mereka. Ada juga banyak taman perumahan yang tidak ada jalan masuk (access road) yang baik ke rumah-rumah di taman perumahan itu. Apabila mereka membeli rumah-rumah itu mereka telah ditunjukkan pelan yang ada jalan-jalan masuk dan lain-lain kemudahan tetapi sebenarnya kemudahan-kemudahan ini tidak ada selepas rumah-rumah siap dibina.

Tuan Pengerusi, dua contoh ialah di Taman Seri Segambut dan juga di Taman Eastern di Jalan Ipoh. Di Taman Seri Segambut projek ini ialah projek PKNS dengan pihak swasta. Dan selepas projek ini siap 5 tahun dahulu, baru-baru ini sahaja kita dapat buat satu access road di dalam taman perumahan ini dan access road ini bukan dibuat oleh pihak developer tetapi oleh pihak Bandaraya. Dan di Taman Eastern apabila kita menyasat pelan-pelan taman itu, ada tunjuk dalam pelan itu satu access road. Tetapi sekarang pihak Kementerian Pertahanan sudah mendirikan satu fence dan tidak boleh lagi menggunakan access road ini oleh kerana access road di dalam kawasan Kementerian Pertahanan. Sampai hari ini penduduk-penduduk di Taman Eastern tidak ada jalan lain hendak keluar dari kawasan mereka dan sekarang mereka menggunakan jalan kecil (side lane).

Ada juga taman-taman yang tidak langsung menjangkakan jalan-jalan dan longkang-longkang. Ini adalah bertentangan dengan perjanjian jualbeli yang telah ditandatangani dengan pembeli-pembeli. Satu contoh ialah di Kampung Batu Muda Tambahan. Kampung Batu Muda Tambahan ada sejumlah 99 buah rumah, dan penduduk-penduduk di sana semua datang dari golongan miskin ataupun dari golongan pekerja. Mereka ialah bekas pekerja-pekerja Kampung Lanjut Tin. Dan mereka telah bayar sejumlah \$800,000 untuk membeli rumah-rumah di Kampung Batu Muda tetapi sampai hari ini jalan pun tidak ada, longkang pun tidak ada. Dan mereka telah membuat satu laporan kepada BSN beberapa bulan dahulu dan sampai hari ini belum dapat apa-apa jawapan. Mereka juga

membuat satu laporan kepada Bandaraya dan telah diberitahu bahawa hal ini adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, kita mesti sokong penuh kepada cara Pengarah Biro Siasatan Negara untuk mengadakan satu unit menyiasat rasuah di dalam perindustrian dan saya mencadangkan Kementerian Perumahan di bawah seksi Pengawasan dan Penguatkuasa ada juga tubuh satu unit berhubung rapat dengan BSN bagi mengatasi masalah-masalah yang saya telah sebutkan tadi. Oleh itu, saya mendesak kepada Kementerian Perumahan supaya mengambil pandangan yang serius di dalam perkara ini dan membantu BSN untuk mengadakan unit ini supaya menyiasat perbuatan-perbuatan yang buruk ini.

Di masa soal jawab tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada kata, perkara menstabilkan harga bahan-bahan perumahan (building material) bukan di bawah Kementeriannya. Ini saya sedar, tetapi oleh kerana masalah-masalah harga rumah ada di bawah Kementeriannya, Kementerian ini mestilah berhubung dengan Kementerian lain dan mencari satu jalan yang boleh mengatasi dan menjamin serta menstabilkan harga bahan-bahan perumahan ini.

Rakyat miskin ialah golongan yang perlu diberi peluang mendapat satu rumah murah tetapi beratus-ratus rumah yang telah dibina bukanlah diberi kepada orang yang harus diberikan. Dan orang-orang yang kaya telah membeli rumah-rumah ini dan disewakan kepada orang-orang yang miskin. Saya harap Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian atas masalah ini, dan jika boleh mencari langkah-langkah yang kita boleh mengatasi masalah harga rumah.

Di dalam masalah perumahan juga, kita ada masalah-masalah lain, seperti rumah yang telah dibina tetapi sampai hari ini tidak ada letrik dan tidak ada air. Ini oleh kerana tidak ada satu badan yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah-masalah perumahan dan tidak lama dahulu saya telah mencadangkan untuk menubuhkan satu Housing Development Board, tetapi jawapan Menteri berkenaan dengan cadangan saya, saya tidak

begitu berpuas hati, oleh kerana Menteri yang berkenaan berkata sekarang ada badan-badan yang bertanggungjawab membina rumah-rumah iaitu JKR, UDA, SEDC, PKNS dan lain-lain dan tidak perlu sekarang ada satu Housing Development Board. Tetapi, baru-baru ini saya melawat ke Bandar Kajang dan telah melihat rumah-rumah yang didirikan oleh pihak PKNS, satu badan yang Menteri berkata ada bertanggungjawab berkenaan dengan rumah-rumah dan rumah-rumah itu sudah siap dua tahun, tetapi sampai sekarang bekalan letrik dan lain-lainnya belum dimasukkan, sekarang laiang sudah setinggi dengan dinding rumah itu.

Tuan Pengerusi, saya merayu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula adalah perlu sekarang satu badan perumahan yang ada kuasa penuh di atas kewangan, tenaga dan kebolehan untuk mengatasi masalah-masalah perumahan yang dihadapi oleh negara kita ini.

Tuan Pengerusi, di bawah Maksud B. 16—Perancang Bandar, muka surat 106, Kod 1100, Aktiviti (4)—Bahagian Perancang Kawasan Bandar. Saya menolong pihak perancang untuk memeriksa masa-masalah yang dihadapi oleh rumah setinggan. Percubaan hendaklah dibuat masa sekarang untuk mengembangkan satu rancangan untuk membangunkan kawasan-kawasan setinggan dan memberi kawasan tersebut dengan infrastruktur yang baik.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, duduk sebentar! Butiran atas Kod 1100 Aktiviti (4) ini ialah bagi Perancang Kawasan Bandar. Bilangan jawatan tahun 1978—43 dan bagi tahun 1979—47, jadi Anggaran Perbelanjaan yang dikehendaki \$410,060 dan berkenaan dengan jawatan (personnel), tidaklah boleh capak mengenai lain.

**Dr. Tan Tiong Hong:** Tuan Pengerusi, saya bangkitkan masalah ini oleh kerana angka yang diberi kepada jawatan ini tidak mencukupi, oleh kerana masalah-masalah personnel di dalam Jabatan ini perlu mengambil perhatian tidak mencukupi dan jikalau saya bangkitkan masalah-masalah macam ini dan Kementerian mengambil perhatian, barangkali masalah ini bolehlah diluaskan dan diperbesarkan lagi Jabatan Perancangan

Bandar yang perlu kita adakan sekarang dan jika keadaan sekeliling untuk rumah setinggan tidak diperbaiki, perasaan keciwa dan kesusahan hati akan berkembang antara mereka.

Saya ada satu cadangan untuk perhatian Jabatan Perancangan Bandar, iaitu dalam kawasan yang mana setinggan bersedia mengambil dan bekerjasama untuk memajukan kawasan mereka. Pihak Kerajaan hendaklah memberi pertolongan seperti menyediakan perancangan dan meluluskan tanah setinggan kepada pihak pemaju bersama dengan kerjasama setinggan untuk membangunkan kawasan mereka. Saya harap bahawa Kerajaan akan mengambil perhatian berat cadangan saya ini dan memilih separuh kawasan untuk rancangan percubaan atau pilot project.

6.07 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 15, Butiran 1100 Aktiviti (5) (iv); P. 15, Butiran 15 dan 51. Dengan izin, saya ingin membincangkan perkara-perkara ini sekali gus.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekarang makin penting peranannya dalam konteks pembangunan negara oleh kerana Kementerian ini bertanggungjawab secara langsung memberi kepada rakyat satu daripada kemudahan yang paling asasi bagi setiap manusia iaitu bumbung rumah untuk berteduh (shelter). Saya memerhatikan dengan perasaan amat senang mengenai kegiatan-kegiatan Kementerian ini dari semasa ke semasa untuk menemui objektif negara kita, iaitu memberi peluang kepada rakyat sebanyak-banyak rakyat memiliki rumah sendiri. Saya percaya, kalau kita lihat di keliling kita, negara-negara jiran kita, apa yang kita lakukan selama ini dan apa yang akan kita lakukan, kita tidaklah terlalu jauh kebelakang dalam soal memberi rumah kepada rakyat.

Tuan Pengerusi, sebagai seorang yang mewakili kawasan kampung bercakap tentang kemudahan-kemudahan yang patut diberi kepada orang kampung adalah pet subject saya, kerana itu dalam membahaskan peruntukan untuk Kementerian ini pada hari ini

saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menimbulkan aspek-aspek yang menyentuh perumahan bagi rakyat yang tidak organis di kawasan luar bandar, iaitu orang-orang kampung yang terdiri daripada kaum-kaum nelayan, petani, penoreh getah dan sebagainya.

Saya perhatikan projek-projek perumahan yang dilancarkan selama ini, baik yang dibuat oleh pihak Kementerian sendiri ataupun oleh pihak-pihak swasta lebih menekankan kepentingan untuk orang-orang yang makan gaji. Orientasi makan gaji ini jelas kelihatan kesannya di mana-mana juga iaitu orang-orang yang makan gaji, baik yang bekerja dengan Kerajaan yang memang mempunyai skim yang khusus untuk mereka ataupun orang-orang yang makan gaji dengan pihak swasta yang menjadi ahli KWSP (EPF) mempunyai kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan pinjaman bagi membeli rumah yang telah siap dibina baik oleh pemaju atau oleh pihak Kementerian ini atau Kerajaan Negeri tetapi bagi orang-orang kampung—kaum nelayan, petani dan penoreh getah, peluang untuk mereka mendapatkan rumah yang selesa hampir tidak ada. Mereka terpaksa bertanding berebut untuk mendapatkan rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh Kementerian ini melalui Kerajaan Negeri dan sebagainya dan rumah-rumah awam kos rendah inipun harganya makin naik seperti juga harga rumah-rumah yang diusahakan oleh pemaju-pemaju private sehingga harganya tidak lagi dapat dimampui oleh orang-orang kampung, iaitu nelayan, petani, dan penoreh getah. Bila mereka pergi untuk temuduga untuk mendapatkan rumah ini mereka akan ditanya berapakah pendapatan mereka sebulan, apakah pendapatan mereka tetap atau tidak dan bila mereka menjawab kepada soalan-soalan ini dengan sendirinya markah mereka akan turun dan orang-orang yang berpendapatan tetap walaupun dia menjadi buruh kasar di Majlis Bandaran misalnya atau menjadi drebar kepada Pejabat Daerah, orang ini akan mendapat keutamaan untuk mendapatkan rumah kos rendah. Jadi tertinggallah Mohammed bin Dollah (nelayan) Said bin Salleh (petani), Dollah bin Kassim (penoreh getah) dengan rumah lama mereka. Kalau mereka duduk dalam pondok yang berlantaikan buluh, akan terus-meneruslah

mereka dengan keadaan seperti itu dan sampai bilakah kita patut biarkan keadaan ini berlaku tanpa ada suatu usaha yang konkrit untuk membantu golongan orang-orang yang tidak organise ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan kepada Kementerian ini supaya dalam konteks mengadakan skim perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah ini diikhtiarkan satu skim yang khusus untuk orang-orang kampung, iaitu nelayan, petani dan penoreh getah yang saya sebutkan tadi supaya mereka juga boleh berpeluang memiliki rumah yang decent walaupun barangkali tidak se standard, tidak seelok rumah kos rendah yang dibina oleh Kementerian.

Saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan ini supaya dibuat satu skim pinjaman untuk membolehkan orang-orang kampung membeli alat-alat rumah secara bayaran beransur-ansur (instalment), bukan membeli rumah yang sudah siap tetapi membeli alat-alat rumah. Misalnya kita boleh tawarkan kepada mereka alat-alat rumah pre-pack, rumah yang sudah siap dibuat dan mereka beli alat-alat ini dan bawa balik ke kampung mereka, mereka sendiri pasang di atas tapak tanah mereka sendiri dan dengan demikian kita sudah dapat menyelamatkan beberapa faktor yang menyebabkan harga rumah menjadi mahal. Misalnya kalau mereka membina sendiri rumah pre-pack yang kita katakan tadi mereka tidak terpaksa membayar labour cost untuk membina rumah itu, mereka membina rumah-rumah itu di atas tanah mereka sendiri dan dengan demikian mereka tidak lagi payah membayar harga tanah yang memang mahal sekarang ini dan makin mahal pada masa akan datang. Mereka juga tidak payah membayar bayaran-bayaran lain untuk infrastruktur seperti jalanraya, api-letrik, air dan sebagainya. Saya percaya kalau ditolak tiga faktor ini kita boleh menjual alat-alat rumah-rumah yang sudah siap itu kurang daripada \$3,000 bagi sebuah rumah yang sederhana, dua bilik dan satu dewan kecil.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi sekim-sekim perumahan yang ada sekarang ini lebih berorientasikan kepada orang-orang yang makan gaji. Bagi orang yang makan gaji di mana jua mereka sanggup

pindah asalkan tidak terlalu jauh daripada tempat kerja mereka. Kalau ada kenderaan awam 5 batu daripada tempat mereka kerja pun boleh mereka pindah, tetapi bagi orang kampung mereka lebih suka tinggal dalam environment mereka sendiri mereka lebih suka duduk dalam kampung mereka sendiri. Oleh kerana itu berapa banyak sekalipun kita buat rumah-rumah murah di pinggir-pinggir kota, di pinggir-pinggir bandar mereka tidak akan teringin hendak pindah, hendak beli rumah itu sebab ini bererti mereka terpaksa pindah lari daripada environment mereka yang asal dan hidup dalam satu environment yang baru yang barangkali jauh daripada sawah bendang mereka.

Bagi orang-orang yang bersawah bendang, tentulah agak janggal untuk mereka menaiki bas dengan pakaian yang kotor untuk pergi bekerja di sawah, begitu juga bila mereka balik daripada bekerja sawah tidaklah patut mereka kelihatan kotor di tengah ramai naik bas untuk pulang ke rumah. Oleh yang demikian, adalah penting dikekalkan environment orang kampung itu. Itulah sebabnya saya katakan tadi projek-projek perumahan yang dibuat secara tersusun ini walaupun projek perumahan kos rendah tidak relevant kepada orang-orang kampung, tidak relevant kepada petani, kepada nelayan dan kepada penoreh getah.

Tuan Pengerusi, saya amat senang hati mendengar bahawa sudah ada usaha-usaha oleh pihak Jabatan Perdana Menteri sekarang untuk mengkaji keadaan perkampungan dengan tujuan untuk mengclassify perkampungan yang ada sekarang ini dan saya harap kajian itu akan memberi faedah kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menyusun suatu rancangan perumahan untuk orang-orang kampung yang boleh diterima oleh orang kampung dan boleh dapat memberi nikmat dan faedah yang menyeluruh kepada orang-orang kampung. Walaupun butir-butir mengenai kajian ini masih belum diperolehi pada masa ini, saya yakin dan percaya bahawa ini adalah suatu permulaan yang baik dalam usaha kita hendak menyusun semula penghidupan perkampungan tradisional terutama yang menyentuh kehendak-kehendak perumahan mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Aktiviti (5) dalam Maksud Bekalan B. 15, muka surat 97 iaitu mengenai Perumahan Negara dan Pelaksanaan Dasar yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian ini. Dalam hubungan ini saya ingin menyentuh tentang kurangnya pengawasan pihak Kementerian ini dalam usaha mengadakan kemudahan-kemudahan tempat permainan terutama bagi kanak-kanak di dalam.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, butiran dan aktiviti yang disebutkan ini mengenai dengan pengawasan dan penguatkuasa dan berhubung dengan jawatan. Jadi, tidak bolehlah sebut hal hendak minta permainan. Kementerian ini minta diluluskan wang sebanyak \$221,000 untuk pengawasan dan penguatkuasaan dengan bilangan jawatan 23, sama dengan tahun 1978.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya sebenarnya hendak bercakap tentang penguatkuasaan. Dalam undang-undang peraturan yang ada sekarang saya difahamkan setiap pemaju rumah ketika mereka mengemukakan rancangan perumahan mereka mestilah ditunjukkan dan ditandakan tempat-tempat yang akan dikhaskan untuk tempat bermain, recreational areas dan sebagainya, tetapi apa yang telah berlaku, dan keadaan ini berlaku di mana-mana juga terutama di bandar Kuala Lumpur ini, kemudahan-kemudahan tempat bermain ini tidak diberi priority langsung, kadang-kadang bila satu-satu kawasan perumahan itu sudah siap dibina selama lima tahun tidak pula ada tanda-tanda yang menunjukkan kawasan yang dikhaskan untuk tempat permainan itu mahu dibina oleh pihak pemaju yang berkenaan dan tidak pula ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pihak Kementerian ini menjalankan enforcement kepada peraturan yang telah ditentukan itu. Jadi, bila keadaan ini berlaku dengan sendirinyalah anak-anak kita akan bermain di tengah jalan, di tempat-tempat lapang yang tidak diratakan dengan betul dan ini membahayakan diri mereka dan pihak ibubapa tentulah tidak akan senang hati bila mengetahui anak-anak mereka bermain di tempat-tempat yang penuh

dengan batu-batu, penuh dengan besi-besi buruk, dengan tempat-tempat yang tidak sepatutnya digunakan sebagai tempat bermain. Ini adalah satu soal yang serius. Saya walaupun mewakili kawasan ulu tetapi saya sudah duduk di Kuala Lumpur ini selama 18 tahun dan Kuala Lumpur ini menjadi negeri kedua bagi saya, saya tahu keadaan ini berlaku dan saya tahu perkara ini berlaku tanpa ada sesuatu usaha yang tegas daripada pihak Kementerian untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan yang dikenakan dipatuhi oleh pihak pemaju perumahan yang berkenaan.

Yang lebih malang, Tuan Pengerusi, ialah bahawa pihak PKNS sendiri yang merupakan pemaju yang boleh dikatakan pemaju Kerajaan iaitu badan separuh rasmi sendiripun ikut terlibat dalam perkara ini, tidak memberi keutamaan kepada tempat-tempat padang permainan, mereka rela melihat tanah-tanah lapang dinaiki lalang, dijadikan sarang ular, di tempat saya di Ampang Jaya ada banyak tanah-tanah lapang yang tidak dibina rumah dan tidak juga dibersihkan untuk membolehkan anak-anak bermain bahkan dibiarkan lalang-lalang, belukar-belukar naik, malah di tepi rumah saya sendiri lalang naik dan sudah empat, lima ekor ular kita bunuh.....

**Tuan Pengerusi:** Itu kawasan siapa? Kawasan rumahkah atau luar kawasan rumah?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Di luar kawasan rumah.

Jadi, ini menunjukkan pihak pemaju tidak langsung menghiraukan kepentingan penduduk-penduduk dalam satu kawasan perumahan dan nampak benarlah yang mereka pentingkan hal keuntungan dan bukannya kebajikan (welfare) penduduk-penduduk di satu-satu tempat itu.

Kekurangan kemudahan-kemudahan yang seperti saya katakan tadi juga menyebabkan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat berlaku seperti menghisap dadah dan sebagainya. Bila ada tumbuh belukar-belukar dalam kawasan perumahan inilah tempat yang paling enak bagi anak-anak muda berkumpul menghisap hashish. Mereka juga berkumpul di situ untuk bermain judi dan sebagainya.

Jadi, saya haraplah pihak Kementerian ini menggunakan sebaik-baiknya peruntukan yang diberi di bawah Aktiviti (5) (ii) dengan peruntukan sebanyak \$221,000 ini digunakan sebaik-baiknya untuk menjalankan enforcement terhadap pemaju-pemaju rumah dan memastikan bahawa setiap detail yang ditunjukkan dalam pelan yang dimajukan itu dilaksanakan pada peringkat yang wajar, tidak dilaksanakan sampai lima atau enam tahun selepas projek itu siap.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab saya nampak ramai lagi Ahli-

ahli Yang Berhormat yang berminat hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini, saya akan benarkan esok untuk disambung lagi.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga hari esok, 16hb November, 1978, jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*